dan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan ia-itu latehan guru dan perkara<sup>2</sup> yang bersangkutan dengan hal<sup>2</sup> guru. Berhubung dengan ini, saya suka mengalu<sup>2</sup>kan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang mengatakan bahawa bilangan guru<sup>2</sup> yang sedang di-lateh di-Maktab<sup>2</sup> latehan, Pusat<sup>2</sup> Latehan Harian dan Pusat<sup>2</sup> Latehan Daerah telah bertambah ramai guna menampung kehendak<sup>2</sup> yang bertambah pada tiap<sup>2</sup> tahun dengan bertambah-nya bilangan murid<sup>2</sup> di-sekolah<sup>2</sup>. Saya mengalu<sup>2</sup>kan juga kenyataan-nya hendak membatalkan chadangan mengambil graduate teachers daripada seberang laut dan menggantikan-nya dengan rancangan menambah bursary bagi bakal guru<sup>2</sup> untuk mengisi kekurangan 1,693 graduate teachers pada masa ini. Langkah itu ada-lah membuktikan dan menunjokkan bahawa Kerajaan Perikatan mengutamakan dan mengambil berat akan nasib pemuda pemudi kita pada masa akan datang. Tuan Pengerusi, sungguh pun dasar<sup>2</sup> yang di-umumkan itu sangat menggalakkan tetapi kejayaan dalam melaksanakan dasar Pelajaran Kebangsaan kita dan mengalirkan perkembangan pelajaran mengikut saloran yang betul bagi kehendak negara tidak-lah bergantung kepada kenyataan<sup>2</sup> yang molek samata<sup>2</sup>. Kejayaan kita bergantung kepada sama ada dasar itu dapat di-laksanakan atau tidak, dan sama ada ia di-laksanakan dengan betul mengikut kehendak<sup>2</sup> kebangsaan kita. Dalam masaalah pelaksanaan itu-lah yang saya hendak bentangkan bagi timbangan Kementerian khas-nya dan Kerajaan 'am-nya.

Mula<sup>2</sup> sa-kali, Tuan Pengerusi, saya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri berhubung dengan latehan guru<sup>2</sup> bagi sekolah<sup>2</sup> rendah. Dari pada angka yang di-berikan dalam ucapan-nya nyata-lah bahawa bilangan murid<sup>2</sup> di-sekolah<sup>2</sup> rendah pada tahun ini hampir sama banyak dengan apa yang di-anggarkan oleh Jawatan-kuasa Penyemak Pelajaran tahun 1960 ia-itu sa-ramai 1.4 juta orang, tetapi pengambilan guru<sup>2</sup> pelateh ka-dalam D.T.C. pada tahun 1966 hanya-lah 1,636 orang, dan kalau di-champorkan pengambilan guru<sup>2</sup>

pelateh ka-dalam 3 buah maktab di-Tanjong Malim, Melaka dan Kota Bharu sa-ramai 660 orang, maka jumlah semua-nya hanya 2,293 orang. Untuk mengadakan guru<sup>2</sup> sekolah rendah yang cukup bagi menampung murid<sup>2</sup> yang bertambah seperti yang saya terangkan tadi, memerlukan pengeluaran guru<sup>2</sup> sekolah rendah sabanyak 3,000 sa-tahun—berma'ana kekurangan lebeh daripada 700 sa-tahun. Jadi, saya ingin hendak mendapat tahu apa-kah ikhtiar yang di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran bagi mengisikan kekurangan yang sabagitu banyak bagi menampung kekurangan guru<sup>2</sup> di-sekolah rendah itu.

Satu perkara lagi berkenaan dengan sekolah rendah ini ia-lah berhubung dengan pelaksanaan dasar hendak memperbaiki dan meninggikan darjah pelajaran di-sekolah<sup>2</sup> kebangsaan. Bagi menchapai maksud dan tujuan itu paragraph 57 Penyata Razak tahun 1956 telah menetapkan bahawa bagi tiap<sup>2</sup> 3 orang guru yang di-lateh sakurang<sup>2</sup>-nya 2 orang hendak-lah di-hantar mengajar di-sekolah<sup>2</sup> kebangsaan. Tuan Pengerusi, kalau maksud dasar itu betul<sup>2</sup> hendak di-laksanakan, maka ada-lah di-kehendaki bahawa 2 daripada 3 orang penuntut yang memasoki maktab dan pusat<sup>2</sup> latehan harian guru<sup>2</sup> sekolah rendah itu mestilah orang<sup>2</sup> yang boleh mengajar di-sekolah kebangsaan apabila mereka tamat latehan-nya dengan menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar-nya dan latehan yang di-berikan kepada mereka pada masa di-haktab itu hendak-lah melalui bahasa Melayu kerana salah satu daripada basic principal bagi melateh guru<sup>2</sup> ia-lah bahawa penuntut<sup>2</sup> itu hendak-lah di-ajar melalui bahasa yang hendak di-gunakan oleh-nya bila mereka mengajar kelak.

Malang-nya saya dapat tahu daripada puncha yang boleh di-perchayai bahawa kedua<sup>2</sup> soal pokok yang saya sebutkan tadi tidak lagi di-amalkan sekarang. Akibat daripada perlinchongan itu maka kita akan dapati bahawa lepasan maktab<sup>2</sup> itu apabila

tamat dan di-hantar ka-sekolah<sup>2</sup> kebangsaan akan menjadi sa-ekor kambing memasoki kandang kerbau, dan kanak<sup>2</sup> yang menderita kelak ia-lah kanak<sup>2</sup> yang di-hantar ka-sekolah<sup>2</sup> kebangsaan. Perkara yang seperti itu, Tuan Pengerusi, akan membantutkan kemajuan dan perkembangan sekolah<sup>2</sup> kebangsaan kita—satu hal yang bertentangan dengan kehendak Dasar Pelajaran Kebangsaan. Saya mendapat tahu, Tuan Pengerusi, bahawa keadaan di-sekolah<sup>2</sup> menengah kebangsaan, dengan sebab perlaksanaan dasar latehan guru yang salah itu, menyebabkan sekolah<sup>2</sup> menengah kebangsaan lebeh<sup>2</sup> menderita lagi, dan itu-lah sebab-nya maka kita dapati di-sekolah<sup>2</sup> itu sangat kekurangan guru<sup>2</sup> yang terlately. Akibat-nya ia-lah bahawa darjah pelajaran-nya jatuh dan ibu bapa pun berasa ragu<sup>2</sup> hendak menghantar anak<sup>2</sup> mereka ka-sekolah<sup>2</sup> seperti itu. Kesimpulan daripada kesilapan itu ia-lah bahawa dasar Kerajaan hendak mengembangkan sekolah<sup>2</sup> menengah kebangsaan tidak akan tercapai bagaimana yang di-chita<sup>2</sup>kan itu. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya suka mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa Bahagian Latehan Guru dalam Kementerian-nya itu hendak-lah diawasi benar<sup>2</sup> supaya amalan dan perakit-nya sa-wajar dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Tuan Pengerusi, sekarang sampai-lah pula saya kepada masalah kekurangan guru<sup>2</sup> lepasan Universiti. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada kekurangan sa-ramai lebeh 1,600 orang. Untuk mengisi kekurangan itu, Yang Berhormat Menteri berchadang hendak menambahkan *teaching bursary* hingga 350 orang sa-tahun. Saya menyokong chadangan-nya itu. Tetapi saya tidak menaruh penoh harapan yang chadangan itu sahaja akan menyelesaikan masalah kekurangan itu. Masalah kekurangan guru<sup>2</sup> lepasan Universiti hanya-lah boleh di-bereskan kalau masalah pokok-nya di-selesaikan lebeh dahulu dan apa-kah soalan pokok itu? Soal-nya ia-lah, Tuan Pengerusi, soal tangga gaji dan *fringe benefit* yang tidak di-dapati oleh guru<sup>2</sup> lepasan

Universiti di-bandingkan dengan perkhidmatan<sup>2</sup> yang lain. Bagi menjelaskan masalah itu, biar-lah saya bentangkan perbandingan—kata-lah A dan B, dua orang yang bersahabat baik yang telah lulus Higher School Certificate atau pun H.S.C., kedua<sup>2</sup>-nya masok Universiti Malaya. A umpama-nya masok jurusan Art atas biasiswa Persekutuan, kerana barangkali ia bakal menjadi Pegawai Pentadbir (M.C.S.): B masok dalam jurusan science atas Teaching Bursary, kerana ia barangkali bakal menjadi guru science. Kata-lah dalam tempoh tiga tahun kedua<sup>2</sup>-nya A dan B lulus mendapat Honours Degree. A keluar, dan di-pilih menjadi Pegawai M.C.S. dengan mendapat tangga gaji Scale A 17B di-bawah-nya saya tengok, ia-itu \$592 sa-bulan dengan sa-buah rumah Kerajaan atau pun yang di-bayar sewa oleh Kerajaan, kemudian perubatan perchuma, kemudian keselamatan yang terjamin dengan ada-nya pension kelak dan pinjaman membeli kereta dan lain<sup>2</sup> lagi yang di-dapati oleh sa-orang Pegawai Kerajaan.

Rakan-nya B tadi, yang tamat dalam jurusan science, yang pelajaran-nya lebeh susah di-bandingkan dengan jurusan Art yang belajar dengan *Teaching Bursary*, terpaksa masok *Faculty of Education* bagi mendapatkan *Diploma of Education*-nya sa-tahun lagi. Apabila ia tamat, maka ia di-lantek menjadi guru science di-bawah *Unifed Teaching Service* dengan mendapat gaji sa-banyak \$600 sa-bulan sahaja, dengan tidak mendapat apa<sup>2</sup> kemudahan yang lain seperti rakan-nya A tadi, yang pada masa dia ini keluar mendapat *Diploma of Education*, telah mendapat satu increment menjadi \$628 sa-bulan.

Jadi, Tuan Pengerusi, dengan keadaan yang saya jelaskan itu, maka tidak hairan-lah bahawa Kementerian Pelajaran pada tiap<sup>2</sup> tahun terkial<sup>2</sup> menchari *graduate teachers* untuk memenohi kehendak<sup>2</sup> sekolah<sup>2</sup> menengah kita. Suka-lah saya menggesa Kerajaan, supaya menchari jalan keluar dengan sa-berapa chepat yang boleh bagi menyelesaikan pokok ini. Kerana penyelesaian atas kekurangan

guru<sup>2</sup> lepasan Universiti, terutama-nya guru<sup>2</sup> science dan technical akan menjamin bahawa tiap<sup>2</sup> ringgit yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk pelajaran akan mendatangkan keuntungan yang berlipat ganda kepada negara, kerana guru<sup>2</sup> itu akan dapat mengeluarkan pemuda-pemudi yang mempunyai kepandaian science dan technical bagi kemajuan ekonomi negara kita.

Jelas-lah, Tuan Pengerusi, kekurangan guru<sup>2</sup> untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita sangat-lah rumit. Kerumitan berhubung dengan kekurangan guru<sup>2</sup> itu akan bertambah kusut lagi, kalau apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri di-Serdang pada 6hb Februari, 1967 baharu<sup>2</sup> ini, yang membayangkan bahawa pada masa akan datang, bakal guru<sup>2</sup> akan berlateh atas belanja sendiri di-laksanakan oleh Kerajaan. Pada pendapat saya, kemajuan negara kita dalam bidang pelajaran belum-lah sampai ka-tingkatan chadangan seperti itu patut di-laksanakan, kechuali kalau kita hanya mengamalkan sikap *paying lip service* pada perkembangan Pelajaran Kebangsaan di-negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beredar kepada Pechahan-kepala 25—Universiti Malaya, di-mana peruntukan sa-banyak \$15.5 juta di-minta. Saya anggap peruntukan sa-banyak \$15.5 juta kepada Universiti Malaya itu, ia-lah lebih kurang 90% daripada belanja tahunan Universiti itu. Maka sudah sa-patut-nya-lah Universiti itu menjalankan dengan jujur, keputusan Kerajaan berkenaan dengan kemasokan penuntut<sup>2</sup> ka-Universiti itu. Dengan berbuat demikian bukan-lah berma'ana Kerajaan hendak men-champor *autonomy* Universiti itu dalam hal<sup>2</sup> *academic*, kerana penuntut<sup>2</sup> bila berada di-Uniiversiti terta'alok-lah kepada peratoran<sup>2</sup> Universiti itu.

Dalam hal kemasokan penuntut<sup>2</sup> ka-Universiti Malaya, saya suka menarek perhatian Dewan ini kepada Section 47 pada Constitution University itu yang telah di-luluskan oleh Dewan ini.

Dengan izin tuan, saya hendak bachakan Section itu, yang berbunyi:

"A student shall not be admitted to the University to a course of study for a degree unless he, hereinafter in this Part referred to as a matriculated student, shall have satisfied such requirements as may be prescribed by Act, provided . . . . '—ada proviso-nya—' that, except with the agreement of the Minister, students who have been awarded Federal or State scholarships or other similar financial assistance from public funds for University degree courses shall not be refused admission if they satisfy such requirements."

Tuan Pengerusi, kalau fahaman saya tidak salah nyata-lah bahawa penuntut<sup>2</sup> yang ada kelayakan untuk masuk Universiti itu—bukan yang ta' ada kelayakan yang ada kelayakan—dan yang telah di-hadiahkan biasiswa Federal atau State atau badan<sup>2</sup> lain yang menggunakan public fund—ma'ana-nya wang orang ramai—maka pehak yang berkuasa Universiti tidak boleh menolak kemasokan mereka, kechuali dengan persetujuan Menteri Pelajaran. Saya mendapat tahu, pada tahun 1966 banyak pemegang<sup>2</sup> biasiswa Federal, State dan badan<sup>2</sup> lain seperti MARA, yang mempunyai kelulusan yang melayakkan mereka memasoki Universiti Malaya seperti yang terkan-dong di-dalam Act 2 Part I, II dan III ia-itu "conditions for entry and minimum educational requirement for admission to University of Malaya", telah di-tolak oleh yang berkuasa Universiti.

Saya tidak tahu sama ada penolakan itu di-buat dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri seperti yang di-kehendaki atau pun yang di-sharakatkan di-dalam Undang<sup>2</sup> di-atas. Kalau tidak, maka pehak berkuasa Universiti Malaya telah melanggar satu undang<sup>2</sup> yang telah di-luluskan oleh Dewan ini. Dengan sebab itu, saya berharap penyiasatan yang teliti hendak-lah dijalankan dan kalau di-dapati benar, maka orang<sup>2</sup> yang bertanggung-jawab atas pelanggaran Undang<sup>2</sup> Negara hendak-lah di-hukum sa-wajar-nya, kerana perbuatan itu ada-lah satu pengkhianatan kepada dasar negara yang hendak mengsambangkan kepinchangan yang menjolok mata di-negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya berjangkit kapada satu soal yang pada masa ini sedang hangat di-bincangkan. Mak-sud saya ia-lah berkenaan dengan penuntut<sup>2</sup> Malaysia di-luar negeri seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Masir dan lain<sup>2</sup> lagi. Dalam hal ini ada tiga masaalah yang besar yang saya hendak kemukakan. Yang pertama ia-lah berhubung dengan kenaikan bayaran di-universiti dan lain<sup>2</sup> Maktab Tinggi di-United King-dom yang hendak di-jalankan oleh Kerajaan British pada penuntut<sup>2</sup> dari sa-berang laut daripada £70 sa-tahun hingga sampai £250. Saya tidak-lah hendak menyoal atau pun menchabar hak dan kebijaksanaan Kerajaan British berbuat demikian, tetapi kenaikan itu kalau di-teruskan bukan sahaja akan mengakibatkan bertambah-nya peruntukan bagi biasiswa<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang saya tahu ada sa-ramai 352 orang di-United Kingdom pada masa ini, tetapi akan menambahkan bebanan ibu bapa yang anak<sup>2</sup>-nya sedang belajar di-sana dengan belanja sendiri yang di-anggarkan lebih 5,000 orang. Saya berasa patut-lah Kerajaan mengambil berat atas hal ini dan merundingkan perkara itu dengan Kerajaan British supaya dapat penyelesaian yang sesuai dan memuaskan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, perkara yang berlaku di-United Kingdom itu mungkin berlaku di-negeri<sup>2</sup> lain dan patut-lah ia menjadi pengajaran kapada kita. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri dalam jawapan-nya baharu<sup>2</sup> ini, bilangan penuntut<sup>2</sup> Kerajaan di-sa-berang laut hanya-lah lebih kurang 1,300 orang tetapi ada-lah menjadi pengetahuan umum bahawa bilangan penuntut<sup>2</sup> Malaysia yang berada di-sa-berang dalam berbagai<sup>2</sup> tingkatan sekolah dan latehan, tidak kurang daripada 13,000 orang. Dalam hal ini, kalau di-hetong panjang perbelanjaan tiap<sup>2</sup> sa-orang itu £50 sa-bulan maka tiap<sup>2</sup> tahun Malaysia telah kehilangan tukar wang luar negeri atau *foreign exchange* sa-kurang<sup>2</sup>-nya \$70 juta dan bagi menyelamatkan *foreign exchange* kita dan yang lebih penting lagi supaya dapat

pemuda pemudi kita di-didek dengan unsur kebangsaan Malaysia yang tulen, saya mengeshorkan patut-lah Kerajaan menjalankan ikhtiar meng-galakkan tertuboh-nya *Private Junior Colleges* dalam negeri ini dengan memberikan kemudahan<sup>2</sup> yang di-perlukan asalkan college itu mengikut dasar<sup>2</sup> pelajaran kebangsaan kita, kerana saya mendapat tahu sa-bilang-an besar dari pada penuntut<sup>2</sup> Malay-sia yang berada di-luar negeri bukan-lah mahasiswa<sup>2</sup> universiti, tetapi hanya berada di-tingkatan<sup>2</sup> persekola-han yang lebih rendah daripada itu.

Masaalah yang ketiga, Tuan Pengerusi, berhubung dengan penuntut<sup>2</sup> Kerajaan yang belajar di-luar negeri ia-lah harga atau pun nilai biasiswa yang tidak sa-kata di-antara badan<sup>2</sup> yang mengeluarkan biasiswa<sup>2</sup> itu. Mithalan-nya biasiswa Negeri, kebanyakkan-nya lebih rendah daripada biasiswa Persekutuan dan biasiswa Persekutuan pula kurang daripada biasiswa Colombo Plan. Keadaan yang tidak sa-imbang itu menimbulkan masaalah social di-antara penuntut<sup>2</sup> dan menerbitkan suasana yang tidak begitu baik untuk mengeratkan perpaduan di-kalangan penuntut<sup>2</sup> Malaysia yang berada di-saberang laut. Suasana seperti itu sangat<sup>2</sup> tidak di-ingini. Hal itu dan hal<sup>2</sup> lain seperti menambahkan lagi biasiswa kapada penuntut Kerajaan untuk di-sesuaikan dengan kenaikan sara hidup yang melambong tinggi di-tempat<sup>2</sup> seperti United Kingdom dan Australia telah di-shorkan oleh Surohanjaya di-Raja yang di-ketua<sup>2</sup> oleh Tun Dr Ismail. Jadi, saya ingin mendapat tahu sa-jauh mana-kah shor<sup>2</sup> Surohanjaya itu berhubung dengan soal<sup>2</sup> di-atas telah di-laksanakan oleh Kerajaan.

Sekian-lah, Tuan Pengerusi.

**Mr Chairman:** Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

*Sitting suspended at 11.28 a.m.*

*Sitting resumed at 11.40 a.m.*

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

House immediately resolves itself into Committee of Supply.

*Debate resumed.*

**Mr Chairman:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya suka mengingatkan ia-itu Act Perbekalan tahun 1967, baharu enam Kementerian mengambil bahagian dan sampai kepada Kepala 19, yang telah mengambil masa tujuh hari. Dengan sebab ada 15 Menteri lagi hendak menerangkan berkenaan dengan Kementerian-nya untuk Kepala 20 hingga 75, yang akan di-habiskan dalam tempoh tujuh hari sahaja lagi, saya minta-lah Ahli Yang Berhormat yang dapat peluang, berchakap-lah sa-berapa ringkas atas dasar perkhidmatan yang hendak di-untukkan wang itu sahaja, dan jangan-lah di-bawa per-bahathan perkara<sup>2</sup> yang lain yang tidak kena-mengena dengan peruntukan ini, supaya tidak menghilangkan masa, tatkala itu dapat-lah ramai Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain berpeluang ber-chakap dalam masaalah Belanjawan ini. Sebab saya percaya ada beberapa orang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat telah siap sedia hendak menerangkan kesulitan dalam kawasan<sup>2</sup> masing<sup>2</sup>.

Saya akan tutup perbahathan Ke-menterian ini pada pukul 6.30 petang ini, dan kemudian Menteri yang ber-kenaan akan menerangkan dan men-jawab atas perkara<sup>2</sup> yang di-bangkitkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat pada pagi besok.

**Dr Tan Chee Khoo (Batu):** Mr Chairman, Sir, the Minister of Educa-tion in his speech made a passing reference to the N.U.T., i.e., the National Union of Teachers. He did not, of course, mention the N.U.T. by name, but it was obvious that he was referring to the N.U.T. Mr Chairman, Sir, for the past one-and-a-half years there has been a *pergadohan* between the N.U.T. and the Minister, and prob-ably also the Ministry officials as well; and from the running, open verbal warfare that has been going on, one can probably draw the inference that the N.U.T. is driving the Minister nuts, if not the Ministry officials as well.

Mr Chairman, Sir, what are the grouses of the N.U.T. and of the teachers in general? Sir, the N.U.T. is now reinforced by the K.K.G.S.K., if

we are to believe what the *Straits Times* today says, i.e., the National Union of National School Teachers and they ask for equal pay for women teachers, they ask for D.T.C. parity; they ask for housing; and they ask for medical benefits.

Mr Chairman, if I may, I would like to dwell a little on these. *Equal pay for women teachers*—the Government has already accepted the principle of equal pay for women employees in the Government, and it is only a question of implementation. D.T.C. parity—the Minister has already announced that he has accepted the principle of D.T.C. parity. There remains, Mr Chairman, Sir, only housing and medical benefits. Mr Chairman, Sir, it is no secret that the Minister himself has agreed that housing and medical benefits will be given to the teachers, and also that the U.T.S. should be scrapped.

**Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Bahawa persidangan kita ini menurut pandangan saya kurang koram—tidak cukup.

*(Division Bell rung: Houses counted; 26 Members present).*

**Dr Tan Chee Khoo:** Mr Chairman, Sir, as I said before, it is no secret that the Minister of Education has accepted in principle or rather thought it wise to give housing and medical benefits to the teachers and scrap the U.T.S. and that being so, Mr Chairman, Sir, this vexed question of the publication of the high-powered committee to investigate the conditions of service of the teachers—that is one bone of contention between the N.U.T. and the Minister—I do not know why it should still be carried on. After all, as I mentioned before, the main recommendations of this high-powered committee are no secret at all, and as such the sooner the Government makes known the report of this high-powered committee and come to a settlement with not only the N.U.T. but now N.U.T. reinforced by the K.K.G.S.K. will relieve the tension in this sector of the workers and, as I shall mention presently, prevent the students in the schools from being victimised further.

One observation of the former Minister of Education, the Member for Kuantan, is very interesting. He has given us examples of the inadequacies of the U.T.S. If I heard the Member for Kuantan rightly, he has stated that—and here I think it is surprising coming from a former Minister for Education—if a person goes to the University of Malaya he spends three years to get an Arts degree, he also spends three years to get a Science degree—both of them Honours degree. For the benefit of the Member for Kuantan, who is not here now, it takes four years to get an Honours degree in the University of Malaya. He has pointed out the inequalities in the Service itself as compared to the M.C.S., and as such this U.T.S. was regarded, and is still regarded, by some of the younger and more militant teachers in the N.U.T., and in the K.K.G.S.K., as a sell out by the older teachers in the Service then, and the sooner it is scrapped, and a more lasting scheme of service drawn up by the Minister, the better it will be for the teaching profession and for the Ministry.

Mr Chairman, Sir, one sad by-product of this running verbal warfare between the Minister and the N.U.T. is that the innocent victims of this *pergadohan* is the S.S.C.M., that is the Schools' Sports Council of Malaysia. Most of the sports officials in the various schools are members of the N.U.T., and if the N.U.T., as they had in the past few months, pull out their officials from the various schools sports programmes, then it stands to reason that the S.S.C.M. cannot function with the result, it is true to say, that the sporting talent in this country has been set back by at least two or three years and, perhaps, even more, so that all these talks about producing yet another Tan Aik Huang, or yet another M. Jegathesan, has been stymied by this open warfare between the Ministry and the N.U.T. Now, I do know that the officials of the N.U.T. and the teachers concerned are aware of the plight of the students, of the sportsmen in the various schools, but nevertheless as they are striving for what they think is industrial justice, they have reluctantly to pull out of all

of these sporting activities. Consequently, Mr Chairman, Sir, on behalf of all the schools children in Malaysia—and I see, unfortunately, none of them are present here today—I do appeal to the Minister to smoke the pipe of peace with the teachers and resolve these problems that they have around the conference table. I need hardly remind the Minister for Education that years back he also conducted an open warfare with the Malay Teachers and, because the General Elections of 1964, I think, was around the corner, the Government then in its wisdom chose to remove the present Minister and replaced him with the Member for Kuantan, and he smoked the pipe of peace with the Malay teachers. Now, the Malay teachers have thrown in their lot with the N.U.T., and I do hope that this will not be regarded as a show of strength by both the N.U.T. and the K.K.G.S.K., but rather as a solidarity of the teachers in this country, and that both sides should be more sensible and come to terms, in the interests of the students in Malaysia.

Now, Mr Chairman, Sir, the Member for Johore Tenggara and, indeed, many other members have also spoken on this Schools Text Books Scheme and I notice that a sum of \$929,000 has been allocated for it. Mr Chairman, Sir, primary education is supposed to be free, but let us not fool ourselves. For the average child that goes to school nowadays, the parents have to find, depending on the classes, between probably \$10 to about \$50 to pay for the various books, the uniforms, the games fees, and the like. Consequently, education, despite the free education that the Ministry offers to the children, is no longer free. It becomes a terrible burden to the average citizen of this country—indeed, I myself have felt it, and I have got four children in school and at the beginning of the year I find it fairly tough to meet the bills that my children present me. I do know that the Ministry has taken steps, and I well remember about three years ago the Ministry issued a directive to the various Boards of Managers, or Governors, to take steps to see that the schools do not make too much profit

on the school text-books. The problem, Mr Chairman, Sir, is not that the schools are making too much profit. I do know that in the various schools that I am connected with we make a very small sum—I think the figure is about a dollar per student for an outsider to sell books in the various schools, and the supplier is asked to only sell books to the students at a fixed rates. What is happening is that the costs of school books, exercise books, text-books have all gone up out of proportion, and this is a matter that should engage the attention of the Ministry as to whether they should not consider to print standard text-books and sell them at cost to the school students and, thereby, bringing down the cost of education to them.

Mr Chairman, Sir, touching on the S.S.C.M., I notice that on page 219, Head S. 18, Sub-head 28, there is an allocation of \$30,000 for Sports. Now, Mr Chairman, Sir, I have made an adjournment speech in this House about two years ago pleading for financial assistance for the S.S.C.M. The Minister of Education then replied on behalf of the Government, but since then very little has been done to organise sports in this country. When the Ministry of Culture, Youth and Sports estimates were before this House, I also made an appeal for the sports-loving school children of this country. The Assistant Minister, as is usual with quite a number of Ministers, passed the buck on and said, "We are not quite sure whether we are the Ministry to give assistance to the S.S.C.M., or whether it should be the Ministry of Education". Now, I do hope that this sum of \$30,000 is meant for the S.S.C.M. and that the Ministry of Education should get in touch with the Ministry of Culture, Youth and Sports to see that the S.S.C.M. should be granted greater financial support to carry out their various sporting programmes so that, in future, we can produce Olympic figures who can attain international standards.

Mr Chairman, Sir, on page 218, Head S. 18, Sub-head 18, there is a vote of \$1.1 million for Scholarships

for University students. I do know that the University students are considered a very naughty lot, they must be giving lots of headaches to the Government, but that is no reason, Mr Chairman, Sir, for the sharp practice of the Government in introducing a very innocuous Bill in this House regarding some contracts and then having it passed through this House without any debate at all: I refer to the ban on politics on scholarship holders. I do not know whether the Minister can give this House a definition of what constitutes politics to a University student. Does speaking at the Speakers' Corner in the University of Malaya constitute politics? Does joining the Forum Mahasiswa—a political forum—constitute politics? This is symptomatic of the police State that is being built up in the University of Malaya and I shall come to it when I discuss the University of Malaya. I shall be grateful if the Minister, for the benefit of the students, will give a clarification on what constitutes politics, because he knows that the students of the University of Malaya have protested in no uncertain terms at this ban on politics.

The other thing which I wish to ask for a clarification from the Minister is this question of admission to the Lower Six in Selangor. I have asked, or, rather, my colleague the Member for Dato Kramat has asked a question for oral answer on this matter. On looking through the list of the admissions into the Lower Six for Selangor, I find that towards the tail-end of the list there are about at least 50 candidates of one community which has gone solid into the Lower Six. Now, one finds it very difficult to accept such a result, that the tail-end of the list of entries to the Lower Six in Selangor should come from one community to the isolation of the other two major communities in this State. I hope the Minister will look into this and ask for an explanation as to why one community should dominate the bottom 50 in the list of entries to the Lower Six in this State, and I need hardly tell him that those who have missed the bus for admission into the Lower Six are probably people who are very bright and who will no doubt do

well, when the School Certificate Examination results are announced next month.

Now, Mr Chairman, Sir, I now come to page 219, Head S. 18, Sub-head 25, the allocation of \$15½ million for the University of Malaya. Now, previous speakers before me have chosen to attack the University of Malaya and no doubt speakers after me from the Alliance backbenches will also attack the University of Malaya. There seems to me to be a smear campaign against some of the lecturers in the University, in particular against the leaders of the A.S.A, i.e., the Academic Staff Association in the University of Malaya; and this attack has spread to the *Suara Malaysia*, which is a Government paper, an official organ of the Alliance Government, and that has joined in in attack of the leaders of the A.S.A. Now, Mr Chairman, Sir, one of the grouses of the backbenchers is that the University lecturers are taking part in politics. I am glad the Minister of Education has stated in no uncertain terms that it is not wrong of any University lecturer to participate in politics so long as he is a citizen of this country, and I do hope that the Alliance backbenchers and the people of this country do not regard University lecturers in the University of Malaya as being anti-Government, because their findings sometimes are unpalatable to the Government. After all, the University, if it is to fulfil its functions in a democracy, is a place where they seek out the truth, and the truth can be unpalatable to those in power; and because in their search of the truth they publish their findings it does not mean that they are *anti* anybody. For that matter, I have no doubt that, if they have the time and they investigate the activities of the Opposition, they will give certain conclusions which are very embarrassing to the Opposition, but that should not make the Opposition feel that the University teachers are *anti* Opposition.

There is a suggestion that the University should get its teachers from the F.E.C. in this country. I cannot think of anything more preposterous

than such a suggestion. It shows a complete lack of understanding of the academic standards in this country—that people who are rejected as being incapable of teaching in the University and who have gravitated to the various school systems and from there to the F.E.C. classes should be considered by, at least, an Alliance backbencher as being suitable for teaching in the University of Malaya.

Another backbencher, the Mamber for Kuala Trengganu Utara, has attacked the appointment of an Englishman as Vice-Chancellor of the University of Malaya. Here, Sir, I find myself in the curious position of being a goalkeeper for the Minister of Education. I speak from first-hand knowledge, whereas if he stands up to speak in this House, it must be from knowledge acquired from a third party, through his various nominees in the University Council. I wish to make it quite clear that we in the University Council—and here I speak for myself, Sir, I do not speak for the University; I can only speak from what knowledge I have of the University—are faced with a Hobson's choice. The search for a Vice-Chancellor started not just yesterday, but it started about six years ago when Tan Sri Oppenheim was in this country. For six long years we have tried to look for a Vice-Chancellor. In particular, we had looked to the professors in our own country. Unfortunately, being a new University, most of the academic people in the University of Malaya have to put their own house in order and to establish themselves in the academic world. Consequently, the few people that I know of, the local professors, who have been approached to be considered for the Vice-Chancellorship, have understandably, at least to me, rejected the proposal to be considered as Vice-Chancellor. Consequently, the University Council had to resort to look for foreign talent and, as a compromise, the University Council appointed an Englishman as Vice-Chancellor for a period of 18 months. These 18 months are to enable the University of Malaya

to intensify its search for a Vice-Chancellor, and here I agree with the Member for Kuala Trengganu Utara that we should try and find a Malaysian to be the Vice-Chancellor. But if Malaysians are reluctant to come forward, what can the University do but to look abroad for a man to fill up this vital post in the University?

Mr Chairman, Sir, I have already stated that there have been attacks on the University and it is no secret that the University, both its teachers and the students, are causing concern to the Alliance Government. But to me that is more conjured up by the Alliance Government and by the backbenchers. The University does not pose a threat to the Government. Rather, the danger is the other way round: that the University is becoming an adjunct in more ways than one way of the Prime Minister's Department. I have in the past protested, at least in connection with the award of an Honorary Degree to the Prime Minister of Korea at the behest of the Prime Minister's Department. Now, what is happening in the University is something more serious and this is a thing that, I think, even the Minister of Education and his officials sitting behind him are not aware of. I do not blame them, because what is happening there is so hush, hush. I refer to the sending of the list of candidates for academic posts for vetting by the Prime Minister's Department, before they are even considered by the various boards of selection in the University of Malaya. I can say that this is happening, and I challenge the Minister or anyone else to tell me that this is not happening. This is a very serious thing, because it makes a hollow mockery of the autonomy of the University of Malaya. I will say this for the Government: that up to now the Government has allowed the University of Malaya a fair degree of autonomy. It has scrupulously not manipulated things in the University Council through its various nominees. But by this vetting of candidates by the Prime Minister's Department, it is striking at the very root of the autonomy of the University

of Malaya and if this is known to the outside world—and I hope the Press publishes what I say—then I will tell the Minister of Education, “Habis, no need to look for a Vice-Chancellor abroad”. No academic person, let alone a Vice-Chancellor, worthy of his salt will ever come to the University of Malaya knowing that he will be judged not only on his academic merits but on whether or not he poses a security threat to the Alliance Government. This is very serious and I shudder to think of the consequences, if this practice is not stopped forthwith. I want to pose this question to the Minister of Education—“*Quo vadis*, autonomy of the University of Malaya?” If the Minister does not take action, then there will be very serious consequences. The Minister must know that the University needs to serve the truth, not political expediency or political partisanship. A good University cannot be run as a police State and this is what is happening in the University of Malaya, although outwardly one does not see any evidence of it. But if one is observant enough, one can sense that a Police state is being slowly built up in the University of Malaya. Evidence of this is the ban on politics on the students, whatever that may mean; evidence of this is in the vetting of candidates for academic posts by the Prime Minister's Department where, I dare say, that however well qualified the people in the Prime Minister's Department may be, they are in no way qualified to ponder on the academic qualifications of candidates looking for jobs with the University of Malaya.

Sir, I shall stop with just two passing references. When we were debating the Ministry of Commerce and Industry estimates, I mentioned in passing that I had noted that in the Ministry of Agriculture and Co-operatives they had \$8,000 for the Minister's residence, and in the Ministry of Commerce and Industry they had about \$7,400. I notice that for the Ministry of Education, in 1966, there was an allocation of \$10,010; in its wisdom the Ministry has increased that allocation to \$10,100

for 1967 for the maintenance of the Minister's residence. Now, Mr Chairman, Sir, I am in the process of adding all these expenses, and I would want the Ministers to tell this House and this country how on earth can they justify this question of sacrifice for the State—"You must bear your share of the tax burden"—when they are living off the fat of the land every year. I notice, Mr Chairman, Sir, practically every Ministry has an allocation for Ministerial residences.

Now, Mr Chairman, Sir, I do know that the Minister of Education has been very worried over the rising numbers that are entering the portals of our schools, and I do know also that he is the head of the Family Planning Unit. I do not know whether in his more happier moments with the teachers he will appeal to them to try and reduce the population of this country, because after all teachers also participate in that process: whether he will offer them this bit of advice, "Loop before you leap."

Mr Chairman, Sir, I shall close with one observation on Labour as I have always done with the other Ministries. I refer to the I.M.G. group of workers. I have made an adjournment speech in this House regarding the special award for I.M.G. group of workers that has been denied to this grade of workers in the various schools under the management of Boards of Governors and of Boards of Managers. The Assistant Minister of Education, who replied to my adjournment speech, told me, "You just wait, you just wait. You know, this special high-powered committee's report is before the Cabinet. You wait." I think that the denial of this special allowance to this category of workers in the teaching profession is a travesty of justice. Consequently, I am pleasantly surprised—and here I wish to congratulate the Minister of Education—that this category of workers have now been given this special allowance of \$12½ per month and this has been backdated to 1-1-1965. I do hope that this is a start of a better rapport with the people working under the Ministry of Educa-

tion in the months to come. Thank you.

**Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan):** Tuan Pengerusi, sa-kali lagi dengan peruntokan-nya Kerajaan Perikatan membuktikan bahawa pelajaran ia-lah satu perkara yang di-titek-beratkan. Saya yakin ta' ada satu negara pun di-Tenggara Asia ini, dan boleh jadi di-seluruh dunia, yang membiayai pelajaran dengan peruntokan yang begitu tinggi peratusannya. Pada tahun ini kita akan membelanja sa-banyak \$384 juta, ia-itu 21% daripada Anggaran Belanjawan Kebangsaan untuk pelajaran.

Tuan Pengerusi, saya shukor atas keikhlasan Kerajaan dan penghargaan yang di-beri-nya kepada pelajaran. Tetapi sungoh pun begitu tinggi peruntokan, kita tidak juga dapat menchapai kedudukan yang mana anak negeri boleh memenohi semua lapisan kerja di-dalam negara yang tamaddun seperti kita. Kita maseh terpaksa bergantung kepada lain<sup>2</sup> negeri untuk pegawai<sup>2</sup> professional dan pakar<sup>2</sup> yang di-kehendaki oleh negara kita ini. Yang lebeh aneh-nya lagi ia-lah pegawai<sup>2</sup> yang kita jemput ka-negara kita ini, datang-nya daripada negeri<sup>2</sup> yang kurang menghargakan pelajaran, dan kurang membiayai-nya—Korea, India dan Filipina, tidak membuat peruntokan sa-bagitu besar peratusannya terhadap pelajaran, tetapi mereka ada lebeh banyak orang<sup>2</sup> yang bersijil daripada kita, sa-hingga boleh kita pinjam pakar<sup>2</sup> daripada mereka.

Tuan Pengerusi, pada fikiran saya ada banyak sebab<sup>2</sup> yang mendatangkan kegagalan kita melateh chukup<sup>2</sup> untuk negara kita. Sebab<sup>2</sup> ini bersangkutan dengan guru<sup>2</sup>, sistem, sukatan dan perlaksanaan policy pelajaran. Wang bukan menjadi soal—wang kita chukup.

Tuan Pengerusi, dalam perbualan saya dengan sa-orang guru besar, saya di-beri tahu ia-itu budak<sup>2</sup> di-dalam Tingkatan I ia-itu yang telah belajar di-bangku sekolah sa-lama enam tahun, ada yang tidak boleh menjumlahkan 2 sama 2—mereka betul<sup>2</sup> tidak

tahu dua dengan dua jadi berapa. Ini bukan kira<sup>2</sup>, ini soal faham atau tidak, apa yang di-katakan dua dan apa yang di-katakan empat. Kalau ini dua dan ini dua, yang sa-macam ini ia-lah empat (menunjokkan dengan tangan)—ini bukan kira<sup>2</sup>, chuma mengenali apa yang di-panggilkan empat. Kalau ini sukatan pelajaran murid<sup>2</sup> yang telah enam tahun di-bangku sekolah, saya chuma boleh salahkan satu pehak sahaja, ia-itu guru. Kalau murid tahu berchakap, saya ta' tahu bagaimana boleh mereka ta' kenal angka, melainkan tidak di-tunjuk sama sa-kali oleh guru. Kalau ini hasil daripada wang yang banyak yang kita untokkan kepada pelajaran, lebeh baik lagi kita hantarkan anak<sup>2</sup> kita ka-negeri lain.

Dalam Universiti pula yang di-pentingkan bukan penuntut dan bukan negara—yang di-pentingkan ia-lah *academic standard*, atau taraf pelajaran Universiti yang tinggi. Universiti mahu supaya ia-nya di-kenal seluruh dunia sa-bagai tempat pelajaran yang chukup tinggi mutu-nya. Malang-nya untok mendapatkan nama baik bagi Universiti dan professor<sup>2</sup>-nya, penuntut di-jadikan mangsa. Sa-bahagian besar daripada penuntut yang boleh melanjutkan pelajaran-nya, tidak di-benarkan masuk sama sa-kali—chuma yang chukup tinggi markah-nya sahaja dapat di-terima. Dan yang dapat masuk itu pula, tidak dapat kelulusan dalam perpereksaan, dengan kerana mutu terlangsong tinggi. Dengan chara ini, sungguh pun mutu mahasiswa yang berjaya chukup tinggi dan mendatangkan penghargaan yang tinggi kepada Universiti, tetapi bilangannya terlangsong-lah kurang—Universiti yang untong, penuntut dan negara yang rugi. Perkara ini tersangat nyata dalam Faculty Perubatan—sungguh pun ada orang<sup>2</sup> Malaysia yang layak untok jadi doktor<sup>2</sup>, mereka di-sekatkan dan kita di-paksa oleh Universiti menjemput doktor<sup>2</sup> daripada Korea, India dan Filipina.

Berkenaan dengan universiti tadi, Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Pechahan-kepala-nya yang saya minta sedikit sahaja ia-itu menukarkan nama universiti kita ini kepada Universiti Malaysia. Sekarang Malaya sudah tidak ada lagi, Malaysia yang kita adakan sekarang dan dalam peta pun sudah di-tukar daripada Malaya kepada Malaysia. Jadi, kalau-lah sa-kira-nya ada orang<sup>2</sup> terjumpa nama Universiti Malaya, dan dia pun tengok, chari di-mana Malaya—tidak ada—dengan sebab peta kita telah pun kita ubahkan jadi Malaysia. Jadi, itu-lah saya harap dapat di-tukarkan nama universiti kita

ini mengikut dengan kemajuan zaman kita sekarang ini—saya harap dengan sa-tinggi<sup>2</sup> harapan agar pandangan saya tentang nama Universiti ini dapat perhatian yang sa-wajar-nya daripada Yang Berhormat Menteri.

Sekarang saya beraleh pula, Tuan Pengerusi, kapada muka 215—Perpustakaan. Apa yang saya harapkan kapada Kementerian ini, supaya menambah lagi peruntokan bagi Perpustakaan ini. Saya pohonkan ini ia-lah kerana memandangkan kekurangan kutub khanah di-negeri kita. Kalau kita pergi di-negara<sup>2</sup> lain, mereka mengadakan kutub khanah ini di-mana<sup>2</sup> bandar besar di-mana penduduk<sup>2</sup>-nya ramai, di-adakan kutub khanah. Jadi, saya pohon-lah kapada Kerajaan dan kapada pehak Yang Berhormat Menteri apabila kewangan kita ada nanti, kita tubuhkan-lah di-tiap<sup>2</sup> Negeri dan Daerah, supaya kaum kita sedar bagaimana-kah penting-nya pelajaran, dan juga kita boleh mengubah pandangan orang<sup>2</sup> yang suka dudok berbual<sup>2</sup> di-kedai kopi dengan membacha hal<sup>2</sup> yang berguna dan penting kapada kehidupan mereka itu.

Satu lagi fasal perpustakaan juga. Tuan Pengerusi, saya harap perpustakaan kita di-seberang laut, jika ada, saperti di-Pechahan-kepala 76, sa-banyak \$2,000, di-penohkan sedikit sa-banyak buku<sup>2</sup> bahasa kebangsaan yang bermutu agar orang<sup>2</sup> lain mengetahui bagaimana perkembangan bahasa kebangsaan kita, dan supaya tertarek pula hati-nya mempelajari bahasa kebangsaan kita.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh ia-lah muka 207, Pechahan-kepala 14—Bayaran balek kapada Kerajaan Singapura berhubung dengan penuntut<sup>2</sup> dari Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya kurang faham sedikit dan suka hendak mendapat tahu apa-kah mata-pelajaran tinggi yang di-ambil oleh pelajar<sup>2</sup> kita di-sana—dan ada-kah mata<sup>2</sup> pelajaran itu di-negara kita atau di-universiti kita. Itu sahaja yang saya hendak tahu.

Satu lagi, berkenaan dengan bayaran kapada Kerajaan Singapura, ia-lah baharu<sup>2</sup> ini satu kejadian berlaku di-

antara penuntut<sup>2</sup> dengan Kerajaan Singapura. Saya fikir berlaku-nya kachau-bilau di-antara penuntut dan Kerajaan, hanya 5% sahaja yang terdiri daripada orang<sup>2</sup> kita dan boleh jadi orang<sup>2</sup> daripada negeri itu tetapi nama kita yang di-burok<sup>2</sup>kan-nya—bukan sahaja tersebar kan keburokan dan kejahatan penuntut<sup>2</sup> kita itu di-sana sini, bahkan di-mana<sup>2</sup> mereka berkata, berlaku-nya kekachauan itu ia-lah disebabkan oleh penuntut<sup>2</sup> kita.

Saya hendak tahu, Tuan Pengerusi, berapa-kah bilangan penuntut<sup>2</sup> dari Malaysia yang membuat kachau itu hingga pehak berkuasa atau pehak yang berwajib di-Singapura tidak dapat menahan-nya? Ada-kah keburokan penuntut itu di-makan oleh fikiran dunia—saya ta' fikir Kerajaan di-Seberang sana boleh mengeluarkan perkataan demikian, kerana mereka tidak sedar negara-nya masa akan datang, peluang bekerja untuk penuntut<sup>2</sup>-nya pun berkurangan dan kita juga, Malaysia, menumpang kan beberapa banyak penuntut Singapura di-tempat<sup>2</sup> kita di-seberang laut. Pada fikiran saya yang chetek ini, Tuan Pengerusi, penumpangan penuntut<sup>2</sup> Singapura di-tempat<sup>2</sup> kita harus-lah di-kurangkan dan, kalau boleh-nya, apabila penuntut<sup>2</sup> Singapura itu mengosongkan tempat-nya di-tempat kita yang di-tumpangi itu hendak-lah di-penohkan oleh penuntut<sup>2</sup> kita atau orang<sup>2</sup> kita atau biarkan kosong begitu sahaja.

Saya fikir orang<sup>2</sup> atau Kerajaan Singapura ini tidak mengenang budi—budi yang kita beri di-balas-nya dengan tidak baik kapada kita. Jadi, buat masa hadapan ini, elok-lah kita berfikir dua kali apabila hendak memberi pertolongan tentang hal pelajaran ini kapada penuntut<sup>2</sup> dan ra'ayat di-Singapura.

Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong penoh anggaran yang di-minta oleh Kementerian Pelajaran dan saya ucapkan terima kaseh sa-kali lagi di-atas izin Tuan Pengerusi memberi peluang kapada saya. Terima kaseh.

**Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu):** Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sedikit berchakap dalam masalah Kementerian Pelajaran ini. Terlebih dahulu saya suka berchakap dalam masaalah Sekolah<sup>2</sup> Ugama Ra'ayat yang ada di-Kelantan, yang baharu<sup>2</sup> ini, Tuan Pengerusi, telah menimbulkan keadaan yang agak hangat dalam Dewan ini, sa-hingga timbul perkataan<sup>2</sup> yang tidak sa-patut-nya di-ucapkan saperti oleh Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara dan Johor Tenggara.

Tuan Pengerusi, keadaan sa-benar-nya yang berlaku di-Kelantan dalam masaalah Sekolah<sup>2</sup> Ugama Ra'ayat ini ia-lah pandangan ibu bapa tentang hendak melanjutkan anak<sup>2</sup> mereka ka-sekolah supaya tidak tertinggal 'ilmu-nya atau pun supaya tidak menjadi orang yang tidak berguna. Tuan Pengerusi, bagi orang<sup>2</sup> yang di-Pantai Timor, khas-nya orang<sup>2</sup> Kelantan—saperti yang pernah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, lebeh daripada 3,000 anak<sup>2</sup> yang tidak dapat menyambong pelajaran-nya ka-sekolah menengah. Betul, pada masa Yang Berhormat Menteri itu beruchap di-Pasir Puteh—dengan sengaja atau pun dengan tidak sengaja—Yang Berhormat itu menyambongkan pelajaran-nya ka-sekolah. Saya telah membuat soalan dalam Dewan Ra'ayat ini—soalan bertulis—berapa ramai-kah anak<sup>2</sup> yang tidak dapat menyambongkan pelajaran-nya ka-sekolah menengah—maka Yang Berhormat Menteri itu telah menjawab dengan detail pada tiap<sup>2</sup> negeri. Betul, negeri Kelantan 3,000, tetapi yang sedeh dan malang-nya, negeri Johor 11,000 lebeh anak<sup>2</sup> yang tidak dapat menyambongkan pelajaran-nya ka-sekolah menengah. Saya ta' tahu ada-kah negeri Johor ini pun PAS yang memerintah.

Tuan Pengerusi, timbul daripada ucapan Yang Berhormat Menteri inilah, saya suka memberi penjelasan dalam Dewan Ra'ayat ini. Sa-patut-nya sa-bagai sa-orang Menteri yang bertanggung-jawab, jangan mengeluarkan tuduhan<sup>2</sup> yang tidak betul kerana sentimen parti politik-nya, kerana

hendak menyenangkan hati orang<sup>2</sup> UMNO di-Kelantan itu, maka di-baham, di-godam-nya PAS ini dengan ta' tentu fasal.

Tuan Pengerusi, masaalah yang di-hadapi oleh ra'ayat Kelantan atau pun ibu bapa murid<sup>2</sup> dalam negeri Kelantan ini, yang pertama dengan sebab<sup>2</sup> yang masing<sup>2</sup> kita mengetahui—boleh jadi kerana sekolah menengah itu jauh kedudukan-nya dengan rumah yang mereka dudoki, boleh jadi kerana kewangan mereka itu miskin tidak dapat menghantar anak<sup>2</sup> mereka ka-sekolah menengah, hanya memadaï dengan Darjah VI sekolah Melayu—Sekolah Kebangsaan. Tetapi mereka tidak mahu anak<sup>2</sup> mereka ini dengan tidak berpelajaran menantikan 40 tahun lagi baharu boleh mereka masok sekolah dewasa, maka mereka membuat sekolah ugama untok anak<sup>2</sup> ini. Sa-patut-nya kita sa-bagai orang yang bertanggung-jawab memberi terima kaseh kepada usaha ra'ayat yang hendak memberi pelajaran kepada anak<sup>2</sup> ini, bukan dengan sa-chara tidak langsung membusokkan balek jasa orang<sup>2</sup> tua yang hendak mendirikan sekolah ini.

Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Menteri ini sudah berkemampuan untok mengambil-aleh sekolah<sup>2</sup> Ugama Ra'ayat yang ada di-Kelantan, lebeh kurang 200 buah itu, ayoh—esok boleh mengambil-aleh dan kita dengan menguchapkan shukor kepada Kerajaan Perikatan ini kerana mengambil-aleh sekolah<sup>2</sup> Ugama Ra'ayat yang ada di-Kelantan ini supaya ibu bapa itu tidak lebeh banyak menanggung. Memang saya sedar, Tuan Pengerusi, bagaimana keadaan<sup>2</sup> sekolah<sup>2</sup> ra'ayat itu, amat-lah dhaif. Tetapi itu-lah yang terdaya di-buat oleh ibu bapa murid<sup>2</sup> itu.

Sa-patut-nya mengikut Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara, sekolah<sup>2</sup> ini di-peralatkan oleh PAS. Ini ada-lah satu tuduhan yang tidak betul. Kalau hendak tahu PAS dan UMNO, saya boleh bagi tahu—Setia-usaha UMNO Pasir Mas Hilir, sa-orang guru sekolah; Setia-usaha UMNO Bahagian Pasir Mas Hulu, sa-orang

guru sekolah—yang saya dengar, Menteri ini banyak kali sudah bagi amaran, siapa sahaja guru tidak boleh masuk bahagian dalam politik. Tetapi, yang berlaku-nya ini-lah.

Jadi, kalau dengan sa-suatu tujuan kita hendak menuduh politik PAS, UMNO-kah, apa-kah, ini ada-lah merugikan umat kita sendiri, merugikan anak<sup>2</sup> kita sendiri. Sa-patut-nya sa-belum kita berchakap, kita selidek. Yang Berhormat itu baharu hendak menjadi Setia-usaha UMNO Kelantan dia belum tahu lagi apa yang ada di-Kelantan. Saya, Tuan Pengerusi, dalam masaalah 3,000 anak murid yang tidak dapat menyambungkan pelajaran-nya ka-sekolah menengah ini—saya sa-bagai orang yang patut memberi shukor pada tempat-nya, saya mengucapkan terima kaseh khas-nya kapada Pejabat Pelajaran Negeri Kelantan yang diketuai oleh sa-orang yang sekarang ini sudah berpindah ka-Kuala Lumpur, kerana mengadakan bulan atau pun Minggu Gerakan Sedar, kerana meminta ibu bapa supaya menghantarkan anak<sup>2</sup>-nya ka-sekolah menengah. Ini saya ucapkan dan saya memberi ucapan sa-juta tahniah sa-muga dengan Gerakan Sedar yang di-buat oleh Pejabat Pelajaran Negeri Kelantan dan di-sokong oleh Kementerian Pelajaran ini, ramai-lah anak<sup>2</sup> yang tiga ribu ini dapat menyambungkan pelajaran-nya ka-sekolah menengah ini.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah pelajaran ini sudah banyak di-chakapkan oleh, baik dari pihak sa-berang sana atau sa-berang sini, pelajaran ini ia-lah suatu perkara yang dapat menumbuhkan atau mengeluarkan anak<sup>2</sup> generation kita yang akan datang ini yang akan menentukan ka-mana-kah arah-nya ta'at setia mereka. Chita<sup>2</sup> Kerajaan Perikatan hendak mendirikan: To build a new nation di-Malaysia ini—hendak mendirikan satu bangsa yang baharu, satu bangsa yang Melayu lupakan Melayu-nya, China lupakan China-nya, India lupakan India-nya, Hindu lupakan Hindu-nya: We are Malaysian. Itu-lah chita<sup>2</sup> Kerajaan Perikatan. Saya tidak mahu mengatakan saya sokong chita<sup>2</sup> itu, tetapi saya dapat-lah mengatakan: If this is your opinion, neschaya chita<sup>2</sup>: To build a

new nation tidak akan berjaya, sampai bila pun tidak akan berjaya dan chita<sup>2</sup> ini akan menjadi satu chita<sup>2</sup> yang khayal dan akan habis di-dalam mimpi sahaja.

Tuan Pengerusi, Malaysia ini ra'ayat berbilang bangsa, Melayu-nya berbagai<sup>2</sup> keturunan. Untok menjadi ra'ayat ini ta'at setia kapada Tanah Melayu ini, kapada Malaysia ini, kalau mahu di-panggil Malaysia, hendak-lah ada sa-suatu yang menyebabkan mereka itu tertumpu ta'at setia-nya dengan tidak berbelah bagi, hendak-lah ada sa-suatu yang boleh menekan mereka atau pun menarek mereka menta'ati tanah tempat berdiri-nya mereka ini, tetapi ini-lah sa-patut-nya di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran ini, ia-itu dengan melalui pelajaran. Pelajaran ini-lah yang dapat menarek orang<sup>2</sup> yang bukan ra'ayat menjadi ra'ayat, pelajaran ini-lah yang dapat memberi perhatian yang sa-penoh-nya kapada sa-suatu warga negara ini untok ta'at setia kapada Malaysia ini. Bagaimana orang itu mahu menyatakan ta'at setia kapada Malaysia ini, kalau anak<sup>2</sup> China belajar bahasa China, mempelajari bahasa ibunda-nya, mempelajari kebudayaan-nya, mereka mencheritakan dalam sekolah China itu bagaimana great grand grandfathers-nya itu mena'aloki negeri China. Ini-lah benda yang di-pelajari dalam sekolah<sup>2</sup> China dan anak<sup>2</sup> Melayu juga akan di-ajar dengan Hang Tuah-nya dan orang<sup>2</sup> Hindu akan di-ajar daripada umur enam tahun dan tujuh tahun lagi, akan di-ajar bagaimana Rama Krishna-nya mena'aloki India. Jadi, ini-lah didekan yang di-tanam di-dalam jiwa anak<sup>2</sup> itu, masing<sup>2</sup> akan dewasa, akan bangun, akan besar dengan pelajaran bagaimana-nya menchintai negara-nya, bagaimana ia-nya menchintai tanah tumpah darah yang asal-nya.

Saya, Tuan Pengerusi, kalau-lah tuan<sup>2</sup> mahu mengatakan saya ini perkauman, sila—itu tidak menjadi halangan. Bagi saya pernah saya menchadangkan dalam Dewan Ra'ayat ini untok mahu supaya semua ra'ayat yang mahu memanggil mereka itu diri-nya ra'ayat, mula' dari sekarang hendak-lah terima Malaysia ini sa-bagai tanah ayer-nya hendak-lah dudok dalam

Malaysia ini sa-bagai negara-nya, ta'at setia-nya tidak berbelah bagi dan Kerajaan sudah sa-patut-nya jangan bermain<sup>2</sup>, jangan memberi tali terlampau panjang, akhir-nya tempat yang kita pegang itu-lah putus. Sudah sampai masa-nya Kerajaan ini hendak-lah mewajibkan dalam Malaysia ini, tidak ada lain sekolah, melainkan sekolah Melayu atau pun sekolah orang puteh. Melayu pun belajar yang itu, semua bangsa mesti belajar yang itu. Tidak ada lagi sekolah China, sekolah Hindu, sekolah lain<sup>2</sup>; baharu-lah kita tahu ra'ayat itu belajar Inggeris dan Melayu. Tidak ada lagi sejarah<sup>2</sup> asal mereka, tidak ada lagi sejarah<sup>2</sup> yang lain dan ta'at setia mereka itu tetap akan tertumpu kapada Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, ini-lah ucapan saya dalam masaalah Kementerian Pelajaran ini dan sa-patut-nya Yang Berhormat, memang ada Ahli<sup>2</sup> dalam Dewan Ra'ayat ini yang memang mendapat upah menanti orang<sup>2</sup> PAS ini berchakap dan mereka itu akan bangun melenting mengatakan PAS ini tidak betul dan tidak baik, atau pun sa-bagai-nya. Bagi saya, tidak ada soal yang lain, siapa sahaja boleh dapat menyatakan fahaman-nya yang tidak betul atau betul. Saya tahu Ahli Yang Berhormat daripada Johor Tenggara sudah berchakap, sudah mengatakan memang PAS ini dajal. Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara pun sudah mengatakan memang begitu dan sekarang Yang Berhormat daripada Hilir Perak pula menanti saya (*Keta-wwa*). Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini masing<sup>2</sup> bebas boleh mengatakan apa sahaja yang mereka mahu . . . . .

**Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak):** Tuan Pengerusi, ada-kah dia . . . .

**Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji:** Tuan Pengerusi, kalau hendak berchakap, minta jalan, kalau saya beri, baharu dia boleh berchakap.

Ini-lah kedudukan yang saya berchakap dan kapada dua Ahli Yang Berhormat yang sudah berchakap itu saya memang tidak mahu bergaduh, kalau hendak bergaduh pun alham-

dulillah, saya ta' pernah tolak, saya memang datang ini bukan untuk bergaduh, tambahan pula Ahli Yang Berhormat daripada Hilir Perak ini pernah lari daripada saya, Tuan Pengerusi. Pernah benda yang di-chakapkan oleh wakil daripada Kuala Trengganu pada hari sa-belum Dewan ini berchuti mengatakan, pernah Dewan Ulama' PAS ini mengadakan meshuarat untuk memutuskan, mengkafirkan orang<sup>2</sup> UMNO. Apa-kah betul benda ini berlaku? (HONOURABLE MEMBERS: *Betul!*) Kalau memang betul, Tuan Pengerusi, saya chabar tiap<sup>2</sup> tuan<sup>2</sup> yang menjadi pahlawan UMNO ini supaya membawa mereka yang bertanggung-jawab ini kamahkamah terbuka; 'adili mereka betul<sup>2</sup>. Kalau tidak, tuan<sup>2</sup> ada-lah pembachul yang paling bodoh sa-kali dalam dunia ini. Kita hendak mengatakan orang itu salah, Tuan Pengerusi, mesti dengan apa yang kita betul. Orang itu mengeluarkan satu ayat yang salah, nah! kita keluarkan ayat mana yang betul yang hendak mengatakan orang itu salah. Ini tidak—orang itu salah, tangkap, sumbat, masokkan ka-dalam. Kemudian kita yang dudok di-luar mengatakan orang itu salah. Kawan itu ta' boleh hendak jawab apa satu. Kalau macham ini-lah bijak, tikus pun boleh lawan gajah, Tuan Pengerusi. Kalau macham ini-lah kita mengatakan orang itu salah, tetapi kita tidak memberi peluang kapada orang<sup>2</sup> itu mengatakan sa-suatu yang benar. Kalau macham ini-lah lojik tuan<sup>2</sup>, sa-ratus tahun lagi tuan<sup>2</sup> boleh memerintah Malaysia ini dengan tidak payah ada lawan. Tuan<sup>2</sup> boleh bertepok dada mengatakan tuan<sup>2</sup> ini-lah orang yang bijak dalam dunia, tetapi hendak chari sa-orang pemimpin UMNO Kelantan pun ta' ada orang UMNO. Terpaksa ambil daripada orang Kuala Lumpur ini, hendak suroh jadi Ketua UMNO dalam Kelantan. Kalau macham ini-lah bijak, Tuan Pengerusi, nampak-nya . . . .

**Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis):** On a point of order, 36 (1).

**Mr Chairman:** 36 berapa?

**Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin:** 36 (1).

**Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji:** Tuan Pengerusi, saya pun habis sudah berchakap, terima kaseh.

**Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian berchakap sa-chara 'am dan ringkas untuk mengalu<sup>2</sup>kan belanjawan yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia dan sa-bagaimana yang kita tahu Malaysia Timor termasuk-lah Sabah juga dapat bantuan di-dalam-nya.

Tuan Pengerusi, di-sini ingin saya memberi sedikit keterangan keadaan pelajaran di-Sabah hari ini. Apa yang saya dapat tahu dalam pepereksaan hujung tahun 1966 banyak murid<sup>2</sup> yang telah pun lulus dalam Tingkatan III English tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka, dan di-antara murid<sup>2</sup> itu banyak murid<sup>2</sup> yang maseh rendah umur-nya, murid<sup>2</sup> itu hendak chari kerja, tetapi umur rendah dan hendak melanjutkan pelajaran tidak mempunyai tempat. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat supaya mengambil perhatian hal itu dan sa-muga dapat-lah di-atasi dan dengan ada-nya tempat, atau sekolah<sup>2</sup> lanjutan, maka murid<sup>2</sup> itu dapat melanjutkan pelajaran mereka supaya murid<sup>2</sup> yang maseh umur rendah itu tidak terbiar begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, baharu<sup>2</sup> ini saya di-temui oleh ramai ibu bapa murid<sup>2</sup> menerangkan pada saya mereka minta supaya buku<sup>2</sup> pelajaran yang di-jual di-sekolah<sup>2</sup> mendapat perhatian dari Kementerian Pelajaran berkenaan harga buku<sup>2</sup> yang begitu mahal ada-kah harga buku<sup>2</sup> itu berpatutan atau sekolah<sup>2</sup> yang berkenaan menchari keuntungan. Saya harap perkara ini dapat di-siasat oleh Menteri yang berkenaan dan dapat pula di-terangkan kepada ra'ayat di-Sabah sebab<sup>2</sup>-nya buku<sup>2</sup> pelajaran itu mahal harga-nya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ingin saya terangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ia-itu di-Sabah hari ini, kita dapat tahu sekolah<sup>2</sup> Kerajaan yang bahasa pengantar-nya bahasa kebangsaan Malaysia atau bahasa Melayu, sangat<sup>2</sup> kekurangan

mendapat buku<sup>2</sup> pelajaran, sa-hingga murid<sup>2</sup> itu terpaksa pinjam-meminjam di-antara satu masa lain, baik di-bangku sekolah, mahu pun di-bawa pulang ka-rumah. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya minta-lah juga jasa baik Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya kekurangan buku<sup>2</sup> pelajaran bahasa kebangsaan Malaysia atau bahasa Melayu tersebut dapat di-atasi. Sekian, terima kaseh.

**Tuan Haji Rahmat bin Hj. Daud (Johor Bahru Barat):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sokong Rang Undang<sup>2</sup> Belanjawan Kementerian Pelajaran sa-banyak \$385,000,000. Saya suka berchakap dalam dua perkara sahaja.

Yang pertama muka S. 181, Butiran (96)—Pensharah. Pada tahun dahulu \$1,303,267 dan pada tahun ini \$1,403,782. Saya dapat tahu di-Pusat Latehan Guru di-Johor Bharu, ia-itu "Day Training Centre", ada dua Pensharah Bahasa China khas untuk bahasa Mandarin, bagi mengajar murid<sup>2</sup> yang belajar bahasa Mandarin. Tetapi saya dapat tahu di-sekolah itu tidak ada murid yang belajar bahasa Mandarin. Ini sangat merugikan. Sebab apa, dua orang Pensharah itu tidak ada murid-nya, jadi mereka tidak ada kerja. Jadi membayar gaji itu perchuma sahaja. Bukan sahaja di-Johor Bharu, saya dapat tahu. Di-sekolah<sup>2</sup> Latehan Guru di-tempat<sup>2</sup> yang lain pun ada juga Pensharah bahasa Mandarin yang samacham ini. Saya harap Menteri yang berkenaan menukarkan Pensharah<sup>2</sup> ka-tempat lain yang betul<sup>2</sup> berkehendakan Pensharah bahasa Mandarin.

Sekarang saya pindah pula kepada muka 189—Bahagian Lembaga Pepereksaan. Pada tahun yang lalu telah di-belanjakan \$451,052 dan pada tahun ini naik pula \$599,029 dan saya memberi tahniah kepada Kementerian Pelajaran ia-itu akan mengadakan pepereksaan di-Darjah V pada murid<sup>2</sup> perengkat rendah. Tetapi saya suka mengeshorkan kepada pehak Kementerian ini, bukan sahaja Darjah V dan Darjah VI lebih baik pepereksaan, diadakan mula<sup>2</sup> Darjah I sampai Darjah VI. Dengan ada-nya pepereksaan tiap<sup>2</sup>

tahun, kita dapat menguji anak<sup>2</sup> kita yang belajar di-sekolah peringkat rendah ini.

Pada fikiran saya, memberi pelajaran kepada kanak<sup>2</sup> yang maseh kechil ini sangat mustahak. Oleh kerana kalau di-adakan peperiksaan dari peringkat yang paling rendah sa-kali, jadi kanak<sup>2</sup> yang belajar itu akan belajar bersungguh<sup>2</sup> kerana pada akhir tahun akan di-adakan ujian. Begitu juga guru<sup>2</sup>-nya, bila tiap<sup>2</sup> tahun ada peperiksaan, maka guru<sup>2</sup>-nya pun akan mengambil berat mengajar anak<sup>2</sup> murid dan juga anak<sup>2</sup> muridnya pun akan mengambil berat mempelajari segala ilmu yang di-ajar. Pada tahun ini peperiksaan akan di-mulakan daripada Darjah V. Jadi berma'ana-lah Darjah I, II, III dan IV tidak ada peperiksaan. Saya takut, murid<sup>2</sup> dari Darjah I sampai Darjah IV tidak ada peperiksaan, maka dengan itu anak<sup>2</sup> murid itu akan menchuaikan pelajaran-nya dan tidak mengambil tahu sama sa-kali atas pelajaran-nya. Sebab pun mereka itu berkata, "kita belajar tak belajar pun naik juga darjah" dan saya sendiri ada mempunyai chuchu yang sedang belajar dalam kelas Darjah II. Apabila akhir tahun mereka tak peduli buku<sup>2</sup>-nya, sebab apa, sudah tetap pada tahun ini naik Darjah juga. Tetapi, jika di-adakan peperiksaan, kita dapat memilih murid<sup>2</sup> yang baik dan murid<sup>2</sup> yang tidak baik dan kita boleh letakkan murid<sup>2</sup> yang baik otak-nya dan murid<sup>2</sup> yang kurang baik otak-nya pada tempat<sup>2</sup> yang sesuai.

Kalau dari masa kechil-nya mereka tidak di-lateh, saya takut apabila mereka itu sampai peringkat menengah, masa-nya telah terlambat untuk memaksa mereka itu belajar sa-mula. Jadi saya harap dan berharap, dan saya perchaya ibu bapa pun berharap, supaya peperiksaan di-adakan seperti masa dahulu ia-itu daripada peringkat rendah sampai-lah peringkat tinggi. Demikian-lah, terima kaseh.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak):** Mr Chairman, Sir, speaking on this particular Supply Head 19, East Malaysia, page 224, Ministry of Education, Other Charges Annually Recurrent I would like to bring to the

notice of this House a matter of great concern to the general public. We, in Sarawak, would like to bring up backward and unsophisticated people of the rural areas by giving them equal educational facilities and opportunities to enable them to catch up with their brothers and sisters in towns and in West Malaysia. A survey will convince you that the schools lack comfortable teachers quarters and school buildings need improvement. The demand for education in Sarawak is rapid and widespread, and not only have we to cater for today but more emphasis should be planned for the future.

Sir, I notice there is no provision for free primary education and comprehensive system of education for the children of Sarawak which the children in West Malaysia have enjoyed. I suggest that the Government should consider to introduce free primary education and comprehensive system of education in Sarawak, so that the children of Sarawak may share the same benefits which the children of West Malaysia have enjoyed. Furthermore, Sir, this may balance the higher taxation that will be imposed in Sarawak.

Sir, I would like to refer back to page 220, Director of Education, Sarawak. Sir, I understand that the Director of Education in Sarawak now was posted from West Malaysia recently. In fact, Sir, there are quite a lot of well educated local education officers in the Education Department of Sarawak who have been working in that Department for many many years with experience and are capable men. They should be given the chance for the promotion to take up the Director's posts as this post should be Borneonized. It is already mentioned in the Inter-Governmental Committee Report. Therefore, Sir, I urge the Honourable Minister concerned to consider this matter fairly.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan):** Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu<sup>2</sup>kan Anggaran Belanjaan bagi Kementerian Pelajaran ini yang berjumlah sa-banyak \$384,999,792. Memandang kepada angka yang tersebut, maka nyata-lah dengan terangnya bahawa perbelanjaan mengenai

pelajaran bagi negara Malaysia makin sa-tahun sa-makin meningkat dan sa-makin bertambah dan ini akan di-pikul oleh Kerajaan Pusat.

Jadi, Tuan Pengerusi, memandang kepada hal yang tersebut, tentu-lah kita bersama<sup>2</sup> patut menchari satu jalan bagaimana Kerajaan Pusat dapat mengurangkan sedikit bebanan-nya. Tuan Pengerusi, mengikut sistem pelajaran kita bahawa kita terbahagi kepada tiga: ia-itu pertama, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Rendah, Sekolah Menengah Tinggi dan Universiti. Dan saya memandang bahawa dalam soalan Sekolah Rendah ini, maka tidak-lah patut dan tidak-lah 'adil kalau sa-kira-nya Kerajaan Pusat sahaja yang menanggung bebanan. Kerana negara kita ia-lah negara Persekutuan yang mana negara kita juga mengandongi negeri<sup>2</sup> dan berkenaan dengan hal yang tersebut kita juga telah mengesahkan satu Undang<sup>2</sup> ia-itu Undang<sup>2</sup> Chukai Pelajaran, dan boleh-lah Menteri Yang Berhormat menyemak sa-mula berkenaan dengan chukai pelajaran ini. Apa yang saya tahu hingga sampai hari ini betul-kah atau tidak ia-itu Kerajaan<sup>2</sup> Negeri telah membayar hanya sa-banyak \$9 juta sahaja.

Jadi, memandang kepada apa yang telah di-pikul oleh Kerajaan Pusat berkenaan dengan perbelanjaan bagi Sekolah Rendah ini ia-itu pemberian kepada Sekolah Rendah sa-banyak \$176 juta, ini ada-lah satu bebanan yang berat, dan saya rasa sangat-lah mustahak dan sudah sampai masa-nya bagi Kerajaan Negeri menanggung bersama sa-kurang<sup>2</sup>-nya 1/3 daripada perbelanjaan yang telah kita anggarkan kepada Sekolah<sup>2</sup> Rendah itu. Jadi dengan hal ini satu jalan sahaja dapat kita buat ia-itu dengan kita menggiatkan lagi kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri supaya Kerajaan Negeri menjalankan kutipan berkenaan dengan chukai pelajaran itu dengan sa-berapa segera dan dengan sa-baik<sup>2</sup>-nya. Kerana saya tahu sa-tengah<sup>2</sup> negeri mengutip chukai pelajaran ini mengikut geran tanah ia-itu mereka yang ada geran tanah sahaja-lah yang membayar chukai, tetapi dalam hal ini ada juga geran yang

*temporary* (sementara). Jadi, bagi geran sementara, mereka ini tidak terkena bayaran berkenaan dengan chukai pelajaran ini. Ini saya rasa kalau Kerajaan Negeri memberi kerjasama yang lebih rapat lagi maka saya perchaya-lah bahawa bebanan yang sa-lama ini di-pikul oleh Kerajaan Pusat akan dapat di-rengankan.

Tuan Pengerusi, kemudian saya menyentoh pula berkenaan dengan Pechahan-kepala 45, Asrama Penuntut<sup>2</sup> Malaysia di-Kahirah. Tuan Pengerusi, apa yang saya dapat tahu bahawa di-Kahirah pada hari ini kita ada sa-banyak 300 orang penuntut<sup>2</sup> yang belajar di-sana. Maka kebanyakan daripada penuntut<sup>2</sup> itu ada-lah mengambil jurusan Ugama atau Theology. Memandang kepada kemajuan negara kita pada hari ini maka kita berkehendak-lah bahawa penuntut<sup>2</sup> kita yang ada di-sana jangan-lah menumpukan 100% kepada Ugama sahaja bahkan hendak-lah pihak Kementerian memberi jalan dan ikhtiar supaya penuntut<sup>2</sup> itu dapat melanjutkan pelajaran, umpama, dalam kedoktoran dan lain<sup>2</sup> jurusan lagi yang akan memberi lebih banyak munafa'at kepada negara Malaysia pada hari ini.

Kepala S. 18 menyentoh Pechahan-kepala 5 juga—Pemberian kepada Asrama. Saya suka menyentoh Pechahan-kepala ini memandang kepada sedikit-nya bilangan penuntut<sup>2</sup> Melayu yang ada di-dalam Universiti sekarang ini. Sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan begitu juga sa-bagai sa-buah negara yang sekarang ini sedang bergerak maju, maka sudah tentu-lah bahawa kaum<sup>2</sup> yang ada di-dalam negara kita ini hendak-lah ada sa-imbangan, tetapi di-dalam Universiti sahaja kalau penuntut<sup>2</sup> Melayu ini tidak sa-imbangan dengan penuntut<sup>2</sup> yang bukan Melayu, maka tentu-lah chara<sup>2</sup> yang sedang kita jalankan sekarang ini untuk menyatupadukan bangsa<sup>2</sup> ini, kaum<sup>2</sup> yang ada dalam negara ini, boleh jadi kechewa. Oleh itu saya mengeshorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya membanyakkan, membuka darjah<sup>2</sup> ia-itu Form VI dan mengadakan *hostel*, umpama-nya, sa-macham di-Alor Star—di-Perlis tak

ada lagi Form VI tetapi saya ingat Perlis pun kalau kita buka tentu-lah kemudahan<sup>2</sup> itu susah, tetapi jikalau kita buka seperti di-Alor Star kita tambahkan sampai dua dan adakan hostel dan kemudahan<sup>2</sup> lagi dan penuntut<sup>2</sup> Melayu yang mengambil Form VI ini kalau kita berikan lagi biasiswa (scholarship) maka sudah tentu-lah bahawa bilangan penuntut<sup>2</sup> Melayu didalam Universiti ini akan bertambah<sup>2</sup> lagi.

Jadi dengan itu-lah, Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan kepada Menteri Pelajaran supaya membanyakkan Form VI ini dan memberi peluang kepada anak<sup>2</sup> Melayu supaya mereka itu tinggal di-hostel. Apa yang ada pada hari ini kebanyakan-nya penuntut<sup>2</sup> di-dalam Form VI itu yang kebanyakan mereka itu menumpang di-rumah<sup>2</sup> orang dan sa-bagai-nya. Jadi, dengan chara ini tak-lah dapat kemudahan<sup>2</sup> kepada mereka. Jadi kalau kita adakan hostel dan kita berikan lagi biasiswa maka dengan chara ini dapat-lah kita membanyakkan lagi bilangan penuntut<sup>2</sup> Melayu dan dengan chara ini dapat-lah penuntut<sup>2</sup> Melayu masuk universiti. Jadi, sakian sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis):** Tuan Pengerusi, saya berchakap pada petang ini chuma hendak menyentoh dua tiga perkara sahaja. Satu daripada-nya ia-lah S. 17, Butiran (98). Tuan Pengerusi, pada masa ini ada lebih kurang 12 atau 13 orang Pemangku Penolong Pensharah yang telah berkhidmat tidak kurang daripada enam tahun, mungkin ada lebih daripada enam tahun, yang sekarang ini kedudukan mereka itu tidak dapat ditentukan sama ada menjadi Penolong Pensharah atau pun dalam pangkat yang lebih tinggi lagi. Saya bersetuju dengan sa-tengah<sup>2</sup> pendapat tetapi bertimbang rasa dengan kedudukan mereka ini, sa-telah lapan tahun Pemangku Penolong Pensharah, sedang kedudukan mereka itu tidak dapat ditimbangkan. Saya berharap kepada sahabat saya Menteri Yang Berhormat ini boleh meimbangkan kedudukan Pemangku Penolong Pensharah ini dijadikan Pensharah. Jikalau kita ban-

dingkan pendapatan guru biasa, Division III, mati gaji-nya \$636, tetapi Pemangku atau Penolong Pensharah ini gaji-nya chuma mati \$580. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri masalah gaji ini akan ditimbangkan oleh satu Surohanjaya. Tetapi masalah meletakkan kedudukan itu, itu soal kita. Jadi, jikalau sa-kira-nya kita ada bertimbang rasa boleh memberi belas kasehan kepada sa-satu golongan yang pada satu ketika dahulu kita berkehendakkan tenaga-nya dan telah memberi tenaga-nya kepada perkhidmatan guru<sup>2</sup>. Jadi saya merayu-lah kepada Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan masalah Pemangku Penolong Pensharah ini.

Sa-lain daripada itu saya suka hendak berchakap sedikit ia-lah dalam masalah Pemberian kepada Sekolah Menengah yang sudah di-tukar menjadi Sekolah Bantuan Penoh Kerajaan. Dalam rangka ini tidak ada di-masokkan, jadi, saya sendiri boleh membuat telahan bahawa sa-nya sudah habis Sekolah Menengah di-negeri ini telah kita jadikan Sekolah Penoh Kerajaan dan mungkin boleh kita telah juga, barangkali tidak ada Sekolah Menengah yang hendak kita jadikan lagi Sekolah Penoh Kerajaan. Jadi, jikalau sa-kira-nya benar bagaimana di-katakan saya menguchapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran dan pegawai<sup>2</sup> dalam Kementerian-nya kerana berusaha menarek sa-berapa banyak Sekolah Menengah yang tidak menerima bantuan<sup>2</sup> penoh pada masa dahulu yang pada hari ini telah pun bertukar pandangan dan pendapat mereka menjadi Sekolah Penoh yang di-bantu oleh Kerajaan. Tetapi jika sa-kira-nya maseh ada Sekolah Menengah yang tidak hendak menerima bantuan Kerajaan pada hari ini, saya fikir peruntukan ini patut di-adakan pada tahun yang akan datang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit dalam masalah mendirikan Sekolah Menengah yang berhampiran dengan Maktab Latehan. Saya boleh bagi dua contoh, Tuan Pengerusi, satu daripada-nya ia-lah di-Tanjong Malim, Sekolah Menengah Tun Abdul Razak

dan lagi satu di-Sekolah Menengah Cheras Alam Shah yang berhampiran dengan Maktab Latehan Guru Khas. Saya rasa, Tuan Pengerusi, ada baiknya kalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan pegawai Kementerian-nya memikirkan pada masa yang akan datang mendirikan Sekolah Menengah yang berhampiran dengan Kolej Latehan Guru ini boleh menyebabkan satu perasaan kepada Sekolah Menengah itu sendiri. Jadi perasaan menumpang, sa-kali pun menumpang kawasan main bola umpama-nya, tetapi perasaan menumpang ini, perasaan jatuh hati, perasaan kecil hati, akan timbul pada Sekolah Menengah yang menumpang atas satu kawasan Kolej Latehan. Jadi, saya berharap-lah kepada Menteri Yang Berhormat, pada masa yang akan datang, kalau boleh, dasar ini kita ubah. Kita maseh ada banyak tanah, kita maseh ada banyak kawasan, apa salah-nya kita asingkan Sekolah Menengah ini daripada Sekolah Kolej Latehan Guru.

Jadi perasaan ini-lah yang kita hendak jaga, kerana perasaan rendah diri maseh ada kepada kita, kena bagini lagi, dia makin jatuh, sa-kali pun kita boleh memberi galakan dengan macham<sup>2</sup>, tetapi perasaan menumpang ini maseh timbul. Jadi saya berharap Kerajaan akan dapat menimbangkan masaalah yang saya chakapkan ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap fasal masaalah Bantuan kepada Sekolah Menengah yang Berasrama, Pechahan-kepala 3 dalam O.C.A.R. Pada masa ini Sekolah Menengah Rendah kita tidak ada mempunyai Jema'ah Pengurus. Semua Sekolah Menengah Rendah, baik jenis kebangsaan atau kebangsaan, saya tidak tahu apa sebab mengapa kita tidak menggalakkan sekolah ini mempunyai Jema'ah Pengurus. Ada banyak kesulitan, terutama dalam tadbiran. Pada masa ini kita maseh kurang serba-serbi. Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan umpama-nya tidak ada ayer, tidak ada lampu, kita tidak dapat alatan science yang baik, sedang Jema'ah Pengurus-nya pun tidak ada. Jadi ibu bapa yang datang chuma menumpukan kepada

Guru Besar, jadi, chuma kebijaksanaan Guru Besar sahaja-lah yang boleh menjawab, memberi pandangan, kepada pehak yang lebeh berkuasa, tetapi kalau sa-kira-nya ada Jema'ah Pengurus ini, kita dapat memikirkan bersama dalam masaalah sekolah itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap atas Butiran (1) ini. Saya bersetuju Menteri Yang Berhormat kita yang ada hari ini sa-orang Menteri yang chekap. Bila saya pandang dalam Budget kali ini, tidak ada tempat yang saya hendak berchakap banyak—semua bertambah. Jadi hanya saya berharap peristiwa hilang bag di-Brussel itu tidak akan berlaku lagi. Jadi, pada masa Yang Berhormat Menteri ini kelak kalau ka-luar bersidang ka-luar negeri, saya menyeru supaya dapat di-bawa sa-orang pegawai bantuan atau pun penasihat-nya dalam persidangan luar negeri. Saya takut kalau bag document yang rahsia yang penting itu hilang—ini melibatkan masaalah negara kita. Saya setuju dengan apa yang saya katakan tadi, sebab saya memandang Yang Berhormat Menteri ini sa-orang yang sihat, chekap dan sentiasa ingat, tetapi oleh sebab berjalan jauh, apa salah-nya kita bawa pegawai kita atau penasihat kita. Jadi, saya tidak-lah hendak mendengar dalam Dewan ini pada masa yang akan datang Menteri hilang bag, Menteri buaya, kambing kurap dan sa-bagai-nya.

Jadi, bagaimana kata sahabat saya tadi Ahli daripada Pasir Mas menchabar dalam Dewan ini. Sa-betul-nya dalam masaalah kafir-mengkafir ini memang ada ia-itu Persidangan Raja<sup>2</sup> Melayu sendiri pun telah pun menetapkan, telah mengeluarkan fatua bahawa tidak ada kafir-mengkafir boleh di-lakukan dan kalau di-lakukan, boleh jadi ke-salahan. Kalau sa-kira-nya tidak timbul perkara itu, mustahil fatua ini di-keluarkan. Kalau tidak ada angin, mustahil daun kayu bergarak, tetapi pehak mana yang mengeluarkan, itu kita sama<sup>2</sup> ma'alum bahawa dalam Dewan ini tidak boleh kita chakapkan; kita boleh chakap di-luar Dewan. Terima kaseh, Tuan Pengerusi.

**Mr Chairman:** Meshuarat ini ditangguhkan sa-lama 15 minit.

*Sitting suspended at 5.15 p.m.*

*Sitting resumed at 5.35 p.m.*

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

*Debate resumed.*

**Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah (Pasir Mas Hilir):** Tuan Pengerusi, lebeh dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan kerana memberi saya peluang berchakap dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran ini kerana mengadakan sa-buah darjah Tingkatan Enam di-Kelantan dalam bahasa kebangsaan, istimewa pula di-dalam kawasan saya sendiri. Tetapi, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana biasa kalau sa-buah kelas di-adakan guru<sup>2</sup> itu memang-lah tidak memberi puas hati atau pun melengkapi sa-bagaimana kehendak sa-buah darjah itu. Saya nampak ada 5 orang guru yang berkelulusan universiti di-hantar ka-sana, tetapi guru<sup>2</sup> itu tidak dapat mengajar di-dalam hal ekonomi kerana tidak dapat memberi kuliah atau kursus-nya dalam bahasa Melayu—bahasa kebangsaan—dan pula tidak ada guru yang boleh mengajar dalam ilmu hisab. Dalam perkara ini, sa-bagaimana dahulu juga, kalau di-dalam bahasa kebangsaan kita persoalkan, Menteri akan menjawab bahawa kita tidak cukup guru, sa-hinggakan ada sahabat<sup>2</sup> saya yang menghendaki universiti kebangsaan, tetapi kita tahu-lah apa jawab-nya, tidak ada pensharah atau mahaguru yang sanggup menjadi pensharah di-dalam universiti itu.

Saya fikir, Tuan Pengerusi, chara pemikiran saperti ini ada-lah kita menghendaki supaya guru<sup>2</sup> yang akan mengajar itu di-sediakan lebeh dahulu baharu-lah universiti atau universiti kolej itu dapat di-dirikan. Pada hal chara pemikiran sa-bagi ini ada-lah telah di-kondemkan waktu sa-belum kita merdeka dahulu sebab ada satu

puak dalam tanah ayer kita ini bila ada di-antara puak<sup>2</sup> lain minta tuntutan kemerdekaan puak<sup>2</sup> tadi mengatakan, “tidakkan-lah boleh kita merdeka, kerana kita tidak pandai buat jarum, tidak pandai buat kapal-terbang. Jadi, nanti-lah kita pandai buat kapal-terbang dan jarum baharu kita tuntutan merdeka.”

Jadi, ada lagi, fikiran yang samacham itu pada masa ini. Itu-lah kita menghendaki guru<sup>2</sup> yang terlately dahulu, sedangkan guru<sup>2</sup> yang hendak di-lately atau biasiswa yang di-beri kapada universiti walau pun dia itu daripada kalangan guru sendiri masuk ka-universiti bila keluar tidak jadi guru lagi, masuk pegawai M.C.S. dan sa-bagai-nya. Kita tidak tahu siapa yang melepaskan dia ka-sana, atau dapat main mata dengan Kementerian Pelajaran sendiri barangkali dapat melepaskan orang ini ka-dalam Kementerian lain. Jadi nyata-lah pada kita hari ini tidak cukup guru. Dengan keterangan Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan 1,600 orang lagi tidak cukup. Jadi tidak cukup itu akan di-keluarkan beberapa tahun lagi mengatakan guru<sup>2</sup> kita tidak cukup.

Dalam hal ini saya fikir, Tuan Pengerusi, ada lebeh baik kita menawarkan guru<sup>2</sup> daripada Indonesia ada di-antara orang<sup>2</sup> yang lulus daripada Universiti Indonesia telah menjadi mahaguru di-Universiti Malaya sekarang. Tetapi kalau-lah kita mengikut timbangan kita sa-chara biasa, kita tidak mahu universiti yang tidak diakui oleh Inggeris dahulu atau tabi'at ini ada berpanjangan kapada kita, sa-bagaimana saudara saya Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan mengatakan, terlalu hendak menjaga taraf universiti kita, yang kita mahu universiti kita ini biar orang<sup>2</sup> puji, mengatakan sama standard dengan Oxford atau Cambridge dan sa-bagai-nya. Jadi oleh sebab menjaga title itu-lah, maka beberapa perkara lain kita akan menjaga title sa-bagaimana yang tersebut itu.

Tuan Pengerusi, ada di-antara-nya, sa-bagai contoh, jambatan di-negeri Kelantan yang di-heboh<sup>2</sup>kan itu tidak

di-luluskan oleh J.K.R. Pusat, mengatakan jambatan itu tidak tahan mengikut engineer-nya, runtoh, menyebabkan ada di-antara orang<sup>2</sup> kempen<sup>2</sup> di-kampong mengatakan lori besar yang membawa balak ta' boleh lalu di-atas itu takut runtoh, oleh sebab fikiran daripada Pusat ini mengatakan tidak akui jambatan itu. Tetapi dua kali jambatan itu telah menerima habaran daripada balak<sup>2</sup> dan ayer bah tidak juga menjadi apa<sup>2</sup>, sedangkan yang di-akui oleh J.K.R. itu ada yang terbang, terutama sa-kali di-Temerloh, barangkali, dan juga dalam negeri Perak—Parit-kah, apa-kah. Kalau kita memerhatikan di-sini, kita dapat tahu bahawa sa-nya mengapa tidak di-luluskan jambatan di-Kelantan itu—dari satu segi kita tahu yang mereka menjadi akitek jambatan di-Kelantan itu adalah orang berkelulusan Amerika, ta' di-aku, kerana dia itu tidak daripada lain<sup>2</sup> University, entah Wales-kah atau apa lagi. Pada hakikat yang sa-benar, kita boleh tengok nyata kekuatan yang di-tunjokkan oleh orang Universiti lain.

Jadi saya fikir, Tuan Pengerusi, dalam hal ini kita boleh-lah menchari sa-bagai menampong kekurangan ini, kita ambil guru<sup>2</sup> daripada Indonesia sa-berapa banyak yang boleh atau kita boleh bertukar<sup>2</sup> mahaguru—dalam hal ini boleh jadi kita berlebeh<sup>2</sup>an mahaguru dalam perkara lain yang Indonesia mahu, dan dalam bahagian memberi pelajaran dalam bahasa kebangsaan ini, kita perchaya guru<sup>2</sup> dari Indonesia dapat menutupi hal ini.

Tuan Pengerusi, bagi kanak<sup>2</sup> sekolah di-sekolah kebangsaan chukup lemah hati, kerana bila masuk sekolah kebangsaan kurang berchita<sup>2</sup> hendak pergi ka-Universiti kerana dia tahu, kalau dia pandai dalam bahasa Melayu sa-kali pun, dia tidak akan dapat pergi ka-Universiti kalau dia tidak pandai pula dalam bahasa Inggeris. Sebab kita tahu untuk lulus Sijil Pelajaran Persekutuan, mudah sa-kali, tetapi untuk lulus dalam H.S.C. amat susah. Kita tahu pada masa dahulu guru<sup>2</sup> sekolah Melayu sebok hendak meletakkan tangga-gaji kerana di-anggap orang ini lulus darjah enam sekolah Melayu tidak harus di-beri gaji lebeh. Untuk

menentukan kedudukan-nya, maka di-beri perchubaan untuk mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Persekutuan dan di-dapati 80% daripada-nya berjaya. Tetapi orang<sup>2</sup> ini tadi tidak dapat meneruskan lagi, kerana dia tidak ada peluang belajar bahasa Inggeris, kerana dalam H.S.C. itu di-sekat dengan pelajaran bahasa Inggeris menyebabkan orang ini tidak dapat hendak terus kasana. Boleh jadi Yang Berhormat Menteri mengatakan kita ta' boleh berbuat apa<sup>2</sup>, kerana Universiti ada autonomi-nya sendiri. Tetapi, yang pelek-nya F.M.C. kita dapat buat, Tuan Pengerusi, Sijil Pelajaran Persekutuan dengan ta' payah lulus bahasa Inggeris pun kita boleh keluarkan sijil, tetapi H.S.C., sa-hingga hari ini, barangkali saya silap, ta' ada lagi satu Sijil pelajaran penoh, sedangkan pepereksaan F.M.C. telah berjalan sejak tahun 1962 lagi. Sa-patut-nya tahun 1964 dan 1965, berlaku H.S.C. supaya memberi peluang kepada orang<sup>2</sup> ini pergi melanjutkan lagi ka-Universiti daripada guru<sup>2</sup> tadi boleh-lah menjadi guru<sup>2</sup> sekolah menengah atau boleh menampong sa-bagaimana tidak chukup-nya guru<sup>2</sup> yang berkelulusan Universiti.

Pernah saya berchakap pada tahun yang lepas, mengatakan mengapa H.S.C. ini maseh tidak dapat dijalankan dalam bahasa kebangsaan. Pihak Yang Berhormat Menteri menjawab, bahawa sa-nya oleh sebab pihak Cambridge tidak dapat menyetujui chadangan kita, maka kita tidak dapat berbuat demikian—bererti kita hanya mengharapkan daripada England sana, yang dia sendiri dapat menentukan kedudukan pelajaran kita, bererti banyak daripada orang<sup>2</sup> Inggeris maseh bertanggung-jawab di-atas hal pelajaran kita sendiri. Tetapi bila Menteri sendiri pergi ka-kampong membuka sekolah, bukan main-lah semangat di-beri kepada orang ramai supaya belajar itu, belajar ini, sedangkan tempat sendiri untuk belajar itu tidak ada. Kadang<sup>2</sup> Menteri mengatakan kita berlebehan dalam Art, tidak chukup dalam bahagian sains, hendak-lah rebut dalam bahagian sains. Tetapi bila ditanya, hendak masuk darjah sains, tidak ada guru, sedangkan guru<sup>2</sup> ini tidak

dapat ra'ayat<sup>2</sup> hendak mengadakan melainkan daripada pihak atasan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, keadaan guru<sup>2</sup> sekolah rendah. Kita tahu guru<sup>2</sup> sekolah rendah ini ada perasaan tidak puas hati daripada orang ramai dan sa-bagai-nya atau daripada Menteri sendiri pun selalu ada membuat ucapan mengatakan guru ini tidak menjalankan tugas-nya dengan betul. Ada yang mengambil peluang banyak menggunakan tenaga-nya dalam Trade Union dan ada pula guru main mahjong dan ada pula guru itu berromance dengan murid-nya, sa-hinggakan Menteri sendiri berchakap hal ini, pada-hal kita perchaya Pegawai Pelajaran Negeri pun sudah chukup untok hal ini. Tuan Pengerusi, bagi pihak guru<sup>2</sup> itu sendiri, kita tahu kedudukan guru itu sendiri, telah tidak di-samaratakan, terutama sa-kali masalah gaji-nya. Baharu sa-kejap tadi, wakil daripada Kuala Lipis mengatakan satu perkara yang tidak munasabah berlaku kepada Penolong Pensharah yang mati gaji-nya \$580 padahal murid yang di-ajar-nya mati \$636—\$50 lebeh gaji murid-nya daripada Pensharah itu sendiri. Tentu sa-kali kalau kita beritahu kepada dunia pun, dunia tidak perchaya dalam perkara ini. Dalam satu jabatan, gaji murid-nya lebeh mahal daripada gaji guru. Tentu sa-kali perkara ini telah lama berlaku dan juga kita perchaya banyak lagi perkara<sup>2</sup> yang sa-macham itu berlaku dalarn bahagian guru. Kita dengar guru D.T.C. telah menunjok perasaan mengatakan dia kelulusan yang sama, dapat latehan yang sama, mengajar yang sama, tetapi gaji berlainan—menyebabkan huru hara.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini tidak boleh-lah kita menyalahkan sa-siapa tetapi hakikat yang sa-benar-nya bagi pihak guru itu sendiri, bila dia tidak puas hati, dia akan membicarakan soal ini—katakan-lah dua jam dalam sa-hari—maka bukan guru yang rugi, bukan Kementerian yang rugi kalau guru itu berkelakuan begitu, tetapi negara kita yang rugi, sedangkan perkara<sup>2</sup> yang di-bicarakan oleh guru dalam masa dua jam itu benda yang tidak ada faedah pun kepada dia

sendiri, barangkali, atau pun kepada negara. Tetapi terpaksa dia buat demikian kerana dia perchaya kalau dia buat demikian dapat-lah menyembuhkan rasa tidak puas hati-nya itu sendiri. Hal ini pun patut juga di-kaji oleh Kementerian Pelajaran dalam masaalah ini. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

**Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman):** Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Pelajaran, saya suka menyentuh dalam satu dua perkara dalam S. 17 dan 18 yang mana saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Memandang kepada peruntukan Belanjawan Pelajaran bagi tahun 1967 dan juga ranchangan pelajaran yang telah di-lancharkan oleh Kementerian Pelajaran dari satu masa ka-satu masa, saya perchaya tiap<sup>2</sup> sa-orang yang mengambil berat dalam soal pelajaran dan mengikuti perkembangan-nya, sudah tentu berasa gembira kerana ini membuktikan yang Kerajaan Perikatan mengambil berat terhadap pelajaran bagi membekalkan angkatan yang akan datang dengan ilmu pengetahuan yang chukup sesuai sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat.

Dalam negara kita ini, Tuan Pengerusi, kita dapati ramai orang<sup>2</sup> yang tahu bahasa Inggeris, terutama kaum<sup>2</sup> terpelajar, dan kebanyakan-nya mendapat kelulusan tinggi ia-lah menerusi pelajaran bahasa Inggeris. Tetapi kita amat kekurangan orang<sup>2</sup> yang terpelajar yang tahu dalam bahasa<sup>2</sup> yang lain daripada bahasa Inggeris saperti bahasa Jerman, Peranchis dan sa-bagai-nya. Sebab itu-lah kita dapati kebanyakan pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi mereka menumpu ka-negara<sup>2</sup> yang menggunakan bahasa pengantar-nya bahasa Inggeris saperti di-England, Australia, New Zealand dan lain<sup>2</sup> lagi.

Saya rasa kemudahan<sup>2</sup> juga patut di-sediakan oleh Kementerian ini bagi anak negara kita ini mempelajari bahasa<sup>2</sup> yang lain daripada bahasa Inggeris ia-itu bahasa Peranchis, bahasa Jerman dan bahasa<sup>2</sup> lain lagi, bahasa

Russia, dengan mengadakan satu Pusat Pengajian bahasa<sup>2</sup> asing di-negeri kita ini. Kerana dengan ini dapat-lah sa-saorang pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran-nya di-negeri yang lain daripada menggunakan bahasa Inggeris dapat mengatasi soal bahasa ini dan juga kita perchaya dengan di-buka satu Pusat Pengajian bahasa<sup>2</sup> asing itu juga, bererti Kementerian ini juga dapat menampong dan menyahut keperluan<sup>2</sup> yang di-hajati oleh Kementerian Luar menempatkan pegawai<sup>2</sup>-nya di-Kedutaan<sup>2</sup> yang ada di-serata dunia ini, juga untuk membantu Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dalam menghantar rombongan<sup>2</sup> ka-luar negeri dan juga pelajar<sup>2</sup> untuk mendalami pengetahuan supaya lebih tinggi lagi. Oleh itu saya rasa langkah yang segera di-amal bagi menubuhkan Pusat Pengajian bahasa<sup>2</sup> asing ini ada-lah saya rasa lebih baik.

Dalam S. 18 muka surat 218, Pechahan-kepala 18, Biasiswa. Saya harap dalam bahagian Biasiswa kechil ini, mengikut anggaran yang ada dalam buku Estimate ini, sa-banyak \$1,600,000 saya harap hendak-lah perhatian besar di-berikan kepada negeri<sup>2</sup> atau kawasan<sup>2</sup> di-mana penduduk<sup>2</sup>-nya terdiri dari kaum<sup>2</sup> nelayan dan tani. Kerana sa-bagaimana biasa, murid<sup>2</sup> yang menghadapi kesulitan untuk melanjutkan pelajaran ka-sekolah<sup>2</sup> menengah ini ia-lah terdiri dari anak<sup>2</sup> kaum tani dan nelayan. Oleh sebab itu-lah sa-tengah anak<sup>2</sup> kaum nelayan dan tani terpaksa memutuskan hubungan mereka untuk melanjutkan pelajaran ka-sekolah menengah oleh kerana kesempitan hidup ibu bapa mereka, walau pun murid<sup>2</sup> itu ada hasrat untuk belajar dan maseh muda mentah untuk melanjutkan pelajaran-nya.

Saya membuat shor ini ia-lah kerana memandag kepada kemajuan yang di-chapai dalam sa-buah sekolah di-kawasan saya ia-itu sekolah menengah kebangsaan ia-itu dalam tahun 1965 bilangan pelajar<sup>2</sup> yang mengambil Sijil Pelajaran Rendah, di-antara yang lulus sa-banyak 30 orang daripada 35 yang masuk peperiksaan, 25 orang ada-lah mendapat pangkat yang pertama. Di-antara-nya ada penuntut<sup>2</sup> yang menda-

pat Biasiswa Kechil Kerajaan Persekutuan.

Soal kedua, saya dapati ia-itu di-antara 100 yang memohon Biasiswa Kechil Persekutuan dalam tahun 1965 yang mana mendapat sokongan penoh daripada Guru Besar sekolah itu, tetapi bila keputusan di-buat chuma 10 orang sahaja yang dapat biasiswa itu. Jadi saya harap memandag kepada soal ini-lah dan memandag kepada kemajuan yang di-chapai oleh penuntut<sup>2</sup> itu, saya harap pehak Kementerian ini dapat menambah biasiswa dalam kawasan dan negeri<sup>2</sup> yang saya sebutkan tadi.

Soal ketiga mengenai Bulan Bahasa Kebangsaan di-mana terdapat peruntukan sa-banyak \$75,000 dalam Estimate ini. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sa-masa mengemukakan belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan ia-itu pehak Kementerian telah menerima surat<sup>2</sup> permohonan dari Persatuan<sup>2</sup> Pelajar di-seberang lautan meminta supaya mereka di-bekalkan dengan buku<sup>2</sup> bahasa kebangsaan supaya murid<sup>2</sup> itu dapat-lah mengikuti perkembangan bahasa ibu pertiwi-nya dari sa-masa ka-satu masa. Oleh itu saya rasa peruntukan ini sa-bahagian besar-nya patut-lah di-beri kepada penuntut<sup>2</sup> kita yang di-luar negeri itu. Saya suka juga menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ia-itu dalam tahun 1965, sa-masa saya melawat di-Kahirah, di-asrama pelajar<sup>2</sup> itu telah di-utangkan sa-buah kutub khanah bagi pelajar<sup>2</sup> di-sana. Tetapi sa-hingga tahun itu belum pun ada lagi peruntukan bagi membeli buku<sup>2</sup> untuk membekalkan perpustakaan di-asrama itu. Oleh itu saya berharap-lah kepada Yang Berhormat Menteri mengambil berat dalam soal ini, untuk menghulorkan bantuan bagi memenohi perpustakaan yang tersebut itu.

Pada akhir-nya, sa-kali lagi saya menyokong peruntukan ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Tuan Pengerusi, dengan ringkas-nya saya terpaksa menguchapkan tahniah kepada Menteri kita, bukan-lah kerana saya tidak bersetuju

dengan-nya di-dalam pelaksanaan kerja-nya, tetapi saya terpaksa menguchapkan tahniah di-atas usaha-nya yang telah dapat mengadakan satu peruntokan yang sudah dua tahun saya idami, ia-itu peruntokan bagi Kementerian Pelajaran mesti lebih daripada peruntokan yang di-beri kepada Pertahanan.

Pada tahun ini di-champor peruntokan Kementerian Pertahanan dengan peruntokan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pun angka-nya ia-lah \$393,003,000 berbanding dengan \$384,999,792. Jadi, ini, Tuan Pengerusi, saya menguchap-lah ribuan terima kasih di-atas usaha<sup>2</sup>-nya yang telah dapat memperimbangkan belanjawan bagi Kementerian-nya.

Yang kedua, saya juga menguchapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri kita ini dapat membuat satu perubahan kepada Kolej Islam, ia-itu mengadakan satu Council yang baharu, yang di-pengerusi oleh sa-orang yang kita percaya layak untuk mengurus Council itu dan saya menyeru Menteri kita ini bukan sahaja mengelokkan Majlis itu, tetapi lecturer<sup>2</sup> di-dalam-nya pun di-dalam jawatan yang penting<sup>2</sup> itu, kalau dapat di-tukarkan kepada orang yang lebih munasabah lagi. Dan juga kalau-lah Yang Berhormat Menteri kita sudah berusaha sampai begitu, lajakkan-lah usaha-nya itu sa-hingga Ijazah<sup>2</sup> dalam Al-Azhar itu dapat di-iktiraf, jadi tidak-lah kita dapati lepasan<sup>2</sup> Universiti daripada Azhar, di-luar Dewan dan di-dalam Dewan ini yang tidak di-iktiraf oleh negeri ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya tidak lagi hendak menguchapkan tahniah, sebab saya tak bersetuju dengan perkara ini, ia-itu berkenaan dengan Further Education S. 17 muka 184 Butiran (169) sampai akhir. Further Education yang saya tahu ia-lah Pelajaran Lanjutan yang di-tumpukan kepada Vocational. Jadi sa-makin tirus sa-makin tirus, sa-hingga-lah di-gantikan dengan sistem comprehensive. Kalau kita rasa Further Education ini berguna di-segi vocational-nya, lebih baik-lah kita jadikan bahagian ini sabagai Trade School betul<sup>2</sup>—terang<sup>2</sup> begitu. Ini hendak churi<sup>2</sup> begitu sahaja,

saya hendak kata langsung tidak berguna pun, tidak boleh, sebab dia ada persamaan-nya dengan Trade School. Saya lebih suka bahagian ini di-tukarkan menjadi Trade School.

Yang keempat, muka 189 Butiran (252)—Lembaga Peperiksaan. Tuan Pengerusi, Lembaga Peperiksaan ini bebas duduk-nya. Tetapi saya—ini pendapat saya, Tuan Pengerusi—saya telah menyemak soalan<sup>2</sup> bagi peperiksaan LCE dengan FMC—HSC saya tidak periksa. Jadi saya perhati soalan yang di-buat itu bukan soalan untuk hendak mengetahui budak<sup>2</sup> itu lulus atau pun tidak dari segi mutu pelajaran. Tetapi mengambil hitong panjang average—erti-nya kalau kita buat soalan tahun 1965 bagini, natijah-nya budak<sup>2</sup> yang lulus kesemua-nya empat puluh peratus sahaja. Kalau begitu, tahun hadapan 1966 turun sedikit, supaya budak<sup>2</sup> dapat lulus. Jadi erti-nya soalan itu di-buat mengikut average yang budak<sup>2</sup> lulus. Ini, Tuan Pengerusi, amat bahaya. Ini saya suka sangat-lah Menteri memberi penjelasan yang bagini, supaya saya tidak keliru. Kalau di-amalkan lagi bagini, katakan budak<sup>2</sup> itu mendapat tiga puluh lima per cent, apa-kah pada tahun 1967 kita hendak buat soalan yang bawah daripada itu lagi, hendak memberi kesempatan kepada budak<sup>2</sup> itu lulus. Dengan demikian mutu pelajaran budak<sup>2</sup> yang mengaji itu dapat tinggi.

Sa-patut-nya kalau kita dapat average tiga puluh lima per cent, kalau hendak di-tinggi bukan dengan jalan memudahkan soalan<sup>2</sup>, tetapi mencari sebab, mithal-nya guru tidak chukupkah, guru tidak di-lateh-kah, penyakit<sup>2</sup> lain, tetapi tidak dengan jalan itu. Ini terlalu serious di-dalam pelajaran bagi bangsa kita.

Yang akhir-nya sa-kali S. 18 muka 217 ia-itu Pechahan-kepala 9—Bantuan kepada Sekolah Agama Islam Ra'ayat. Bantuan Sekolah Agama Islam Ra'ayat ini, Tuan Pengerusi, kita hendak kata langsung tidak ada guna pun tidak patut, sebab sa-suatu benda yang di-buat itu tentu-lah ada guna. Tetapi yang menjadi masalah-nya jadi bodoh balek Kementerian kita dengan chara memberi bantuan sa-banyak \$600,000.

Tahun sudah pun \$600,000, tahun ini pun \$600,000—jadi static bagitu—tidak ada perubahan-kah? Jadi tidak ada langsung pertimbangan dalam Kementerian, yang dia tahu untuk sekolah ra'ayat ini bagi \$600,000 sudah—diam! Sa-patut-nya kalau maju, ditambah, kalau kurang, di-kurang. Ini tidak, dia pakai sama bagitu, sa-olah<sup>2</sup> tunggul kayu yang di-kerat bagitu.

Kemudian dari itu, Tuan Pengerusi, kita meletakkan pegawai<sup>2</sup>, saya hendak bisekkan kepada Menteri kita ini, kita letak pegawai—wrong man in the wrong place. Pegawai yang menjaga sekolah<sup>2</sup> ugama ra'ayat itu—saya bukan hendak mengancham dan saya pun tidak hendak merebut jawatan itu. Saya sudah menjadi MP \$750.00 mendapat allowance sudah cukup. Tetapi Menteri kita dengan tidak memerhati dengan sa-benar di-dalam urusan yang di-kerjakan oleh pegawai<sup>2</sup> ini, rugi sahaja wang kita \$600,000 itu. Kemudian kita tambah pula dua tiga orang pegawai untuk bekerja di-pejabat, tidak juga pergi melawat sekolah<sup>2</sup> itu. Saya well versed dengan sekolah ugama ra'ayat ini, jadi saya tahu-lah tindakan<sup>2</sup> yang di-buat itu, boleh kita katakan menipu Menteri kita ini.

Ada pun tentang masaalah Menteri kita membuat silap bagitu bagini, memang-lah sa-bagai manusia biasa dia kena buat silap-lah, kadang<sup>2</sup> dia kena buat benda yang dia tidak mahu sakali pun. Saya mengambil tauladan, Tuan Pengerusi, dalam hadith kata: dalam bahasa Arab. Jadi erti-nya kebijaksanaan itu kita ambil di-mana kita dapat, dan ada sa-tengah hadith itu, dia kata, walau pun daripada kibas sa-kali pun, daripada keldai pun kita ambil. Kalau bagitu masaalah pepatah Arab dari keldai ini, dia kata, dalam bahasa Arab—Don't try to over load the ass. Jadi jangan kita melebehkan muatan kepada sa-ekor keldai. Jadi, Tuan Pengerusi, kita hendak meminta lebeh daripada apa yang telah di-berikan khidmat oleh Menteri kita ini sama-lah dengan kita menghumbahkan hamba Allah ini lebeh daripada kekuatan-nya. Dan saya sangat-lah tidak bersetuju kita menekan Menteri kita. Dan lagi ada sahabat saya daripada Lipis tadi

mengeshorkan supaya Menteri kita ini, apabila keluar negeri membawa pegawai<sup>2</sup> bersama dengan-nya. Itu, Tuan Pengerusi, worth without saying, dia sudah berlaku dengan tidak payah kita sebut, bukan sahaja pegawai<sup>2</sup>, Members of Parliament daripada pehak Kerajaan, daripada Pembangkang pun dia hendak bawa sama. Itu sudah menjadi amalan Menteri kita ini. Jadi tentu-lah dia memikirkan dalam hal<sup>2</sup> itu yang lebeh baik.

Akhir-nya, saya hendak membaca tidak mengulas lagi, Tuan Pengerusi. Buku ini di-karang oleh sa-orang berkenaan dengan ayat (dalam bahasa Arab). Erti-nya sa-siapa jua yang tidak mahu menghukum dengan apa yang di-turunkan Allah, maka mereka itu orang kafir atau orang zalim atau orang fasik. Maka nyata-lah dengan ayat. Tuhan ini supaya kita mesti menghukum dan menjalankan hukum, sesuai dengan apa yang di-turunkan dan kalau tidak mahu, terima-lah anchaman ini, kalau tidak jadi kafir, jadi zalim-lah. Kalau tidak jadi zalim, jadi fasik-lah. Dalam memahami ayat ini kita mendapat kesimpulan bahawa menjalankan hukum Allah ada-lah wajib dan tidak-lah dapat di-jalankan hukum Allah itu melainkan mesti-lah dengan saloran<sup>2</sup> pemerentahan negara. Sa-buah negara tidak akan mahu menjalankan hukum Allah itu kalau anggota<sup>2</sup> yang membuat undang<sup>2</sup> atau yang di-sebut dengan Parlimen itu, tidak di-penohi oleh orang<sup>2</sup> yang berideoloji Islam. Ini-lah timbul kafir-mengkafir-nya yang di-karang oleh Osman Abdullah daripada Perak (*Tepok*). Jadi ini-lah puncha-nya kafir-mengkafir. Terima kaseh.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka menarek perhatian Tuan Pengerusi, kepada beberapa masaalah yang terkandung di-dalam Anggaran Belanjawan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Oleh kerana ada satu dua perkara yang belum di-sentuh oleh teman<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-dalam Dewan ini ia-itu dalam kawasan<sup>2</sup> banjar. Maka kawasan saya sendiri, kawasan Hilir Perak dan kawasan sahabat saya daripada Parit, ada-lah kawasan

yang baharu<sup>2</sup> ini menderita sebab banjir, maka bila banjir itu telah kering dan sekolah telah mula di-buka, orang<sup>2</sup> yang telah di-pindahkan di-situ pun telah di-balekkan ka-rumah mereka masing<sup>2</sup>, maka beberapa kesulitan telah timbul di-dalam persekolahan.

Yang pertama sa-kali anak<sup>2</sup> yang hendak pergi ka-sekolah yang sa-tengah<sup>2</sup>-nya sa-belum kejadian banjir ini telah membeli buku untok perediaan masuk ka-sekolah<sup>2</sup> yang telah di-tetapkan. Tetapi malang-nya manakala banjir telah melanda sekolah mereka dan kampung mereka, bukan sahaja sekolah itu telah musnah dengan buku<sup>2</sup> yang ada dalam sekolah<sup>2</sup> itu dan buku yang di-beli oleh anak<sup>2</sup> itu di-rumah, tetapi boleh di-katakan kepunyaan<sup>2</sup> mereka untok bersekolah sudah-lah tidak ada—pakaian-nya pun sudah tidak ada dan buku-nya pun sudah tidak ada. Saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana di-dalam peruntukan ini ada peruntukan pemberian kepada Sekolah<sup>2</sup> Rendah dan buku text, maka saya rasa buku<sup>2</sup> text yang saperti ini-lah yang sangat di-perlukan oleh anak<sup>2</sup> kita yang sudah kehilangan buku<sup>2</sup> mereka itu oleh kerana bencana baharu<sup>2</sup> ini. Itu yang pertama sa-kali saya minta, oleh kerana baharu<sup>2</sup> ini kami pergi melawat ka-kawasan Parit, Yang Berhormat daripada Parit dan saya sendiri sapanjang<sup>2</sup> di-Sungai Perak itu tidak ada lain yang mereka minta melainkan ialah supaya Kementerian dapat membantu membelikan buku<sup>2</sup> text kepada mereka itu—kapada anak<sup>2</sup> ini.

Yang kedua, satu masaalah pula ia-itu anak<sup>2</sup> ini bila datang ka-sekolah oleh kerana ibu bapa mereka itu sudah kehilangan mata pencharian buat sementara ini, sampai kapada satu masa yang mereka dapat mata pencharian saperti sediaan, yang memotong getah mula menoreh getah, yang menanam padi mula dapat menanam padi, maka di-antara masa yang saperti itu anak<sup>2</sup> mereka terpaksa-lah berlapar pergi ka-sekolah dan oleh kerana anak<sup>2</sup> mereka tidak ada belanja hendak ka-sekolah, belanja yang hendak di-berikan itu pun tidak ada dan hasil<sup>2</sup> yang hendak di-kutip pun belum dapat lagi, maka

saya harap kapada Yang Berhormat Menteri kita teringat kapada satu masa dahulu anak<sup>2</sup> sekolah pernah di-beri minum susu dan biskut atau pun roti<sup>2</sup> kering, maka kalau dapat kapada daerah banjir yang saperti ini dapat di-berikan biskut, susu bagi anak<sup>2</sup> yang datang ka-sekolah yang tidak bagitu sehat, maka saya rasa tangisan mereka itu akan dapat di-pujok dengan pemberian daripada Menteri ini. Tetapi ini pun, Tuan Pengerusi, di-berikan-lah kapada yang hendak menerima-nya, kalau tidak hendak menerima-nya itu tidak apa-lah, atau yang pandai meng-ucapkan terima kaseh kapada Kerajaan patut-lah di-utamakan, bagi orang yang tidak pandai berterima kaseh itu susah-lah sedikit bagi kita hendak menimbangkan mereka itu. Walau bagaimanapun mereka ada-lah anak kita dan mereka ada-lah bakal warganegara kita, yang mustahak kita ambil perhatian kapada mereka itu.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang saya menarek perhatian, terbit daripada perbahathan di-dalam Dewan ini ia-itu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Sa-tengah<sup>2</sup> daripada Ahli Yang Berhormat kita ada menhadangkan supaya Sekolah Jenis Kebangsaan ini atau dengan lain perkataan Sekolah Inggeris itu dapat kita ansor<sup>2</sup> menjadi Sekolah Kebangsaan kita, satu demi satu, sahingga merupakan sa-bagai factory untok melahirkan warganegara kita yang sama pada masa yang akan datang. Tetapi yang menjadi sedikit kerunsangan kita, ia-itu amalan yang berlaku di-satengah<sup>2</sup>, bukan semua-nya, tetapi di-satengah<sup>2</sup> Sekolah Jenis Kebangsaan itu, kalau dasar daripada Kementerian Pelajaran untok melahirkan murid<sup>2</sup> dan warganegara yang baik, warganegara yang bersefahaman pada masa yang akan datang dapat di-wujudkan dengan dasar pelajaran sekarang, tetapi amalan atau kerja yang di-buat oleh sa-tengah<sup>2</sup> guru di-Sekolah Rendah Kebangsaan itu mengechewakan dasar pelajaran kita. Mithal-nya, baharu<sup>2</sup> ini kita ada pernah melihat dan mendengar pada murid<sup>2</sup> Melayu di-Sekolah Jenis Rendah itu di-pisah<sup>2</sup>kan daripada murid<sup>2</sup> yang bukan Melayu sahingga terjadi-lah, macham kita katakan, pilih kaseh di-antara kelas<sup>2</sup>

di-Sekolah<sup>2</sup> Rendah Jenis Kebangsaan ini.

Ibu bapa bagi sekolah ini telah pun memek<sup>2</sup> meminta supaya Kementerian atau pun Jabatan Pelajaran mengambil tindakan yang wajar terhadap tindakan guru<sup>2</sup> yang memisahkan murid<sup>2</sup> yang belajar di-Sekolah Jenis Kebangsaan itu, jangan di-pisahkan dia di-antara orang Melayu, orang China, orang India mithal-nya, biar-lah dia sama dudok satu kelas supaya mereka itu dapat memahami, tetapi berlaku juga hal ini dengan alasan, kata dia, dengan chara bagini kita dapat memberi kepada murid<sup>2</sup> itu pelajaran ugama yang lengkap. Hal ini tidak lojik, tidak dapat di-terima dengan akal, oleh kerana banyak Sekolah<sup>2</sup> Rendah Jenis Kebangsaan yang tidak berbuat demikian mendapat pelajaran ugama yang sama, saperti sekolah<sup>2</sup> yang lain juga, tetapi kenapa di-sekolah ini yang berlaku di-kawasan Perak ada berlaku hal yang saperti ini. Sebab itu saya rasa, Yang Berhormat Menteri dapat memberikan pimpinan atau pegawai<sup>2</sup>-nya dapat memberikan pimpinan kepada guru<sup>2</sup> ini jangan dia menjadi orang yang menyangkal dasar yang telah di-buat oleh Kementerian kita ini.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan oleh kerana sa-orang Menteri yang telah menerima beberapa beban yang telah di-tinggalkan oleh beberapa Menteri sa-belum daripada-nya dan tentu-lah orang hanya memandang bahawa kerja yang di-buat oleh Menteri itu tidak bagitu puas hati sa-tengah-nya mendatangkan beberapa tuduhan atau beberapa fikiran yang mereka mengharap supaya dengan bagitu dapat di-perbaiki, tetapi pada fahaman saya, saya sendiri telah diberitahu guru<sup>2</sup> dahulu-nya di-terima bagi bakal<sup>2</sup> guru<sup>2</sup> Sekolah Rendah dan di-Sekolah Menengah dua ribu orang berbanding dengan sekarang ini yang telah sampai kepada perengkat lima ribu orang tiap<sup>2</sup> tahun bagi guru<sup>2</sup> sekolah rendah dan guru<sup>2</sup> sekolah menengah. Ini satu kemajuan dan kepepatan pengambilan guru<sup>2</sup> ini baik guru<sup>2</sup> Sekolah Rendah atau Sekolah<sup>2</sup> Menengah menggembarakan hati kita pada

masa yang akan datang bahawa kita akan mendapat chukup guru berbanding dengan jumlah murid yang bertambah.

Memang terdapat perbedzaan pendapatan atau pun gaji guru<sup>2</sup> U.T.S. dan M.C.S. yang di-sebut<sup>2</sup> di-dalam Dewan ini beberapa jam sa-belum ini, tetapi soal ini memang di-ketahui oleh bekas Menteri Pelajaran dahulu bahawa soal ini telah berlaku dan ini ada-lah satu penyakit yang telah di-tinggalkan oleh dasar pelajaran dahulu. Tetapi Kementerian ini sekarang saya dapat tahu bahawa dia telah menchuba mengatasi masaalah ini dengan mengadakan satu badan yang bernama *High Powered Committee* supaya dengan demikian dapat menyelideki dan dapat pula memperbaiki hal<sup>2</sup> yang berlaku kepinchangan di-dalam gaji guru<sup>2</sup> kita, di-antara guru<sup>2</sup> U.T.S. dan M.C.S. itu.

Tuan Pengerusi, berbanding dengan apa yang kita dengar di-dalam Dewan ini banyak kechaman<sup>2</sup> yang di-lemparkan kepada Kementerian ini. Bagi kita sendiri soal pelajaran ada-lah soal yang maha penting sa-kali, soal yang akan menentukan nasib ra'ayat kita ini di-masa yang akan datang. Kita pergi membahathkan Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat, mithal-nya. Peruntokan \$600,000—\$600,000 dahulu dan \$600,000 sekarang. Tetapi tentu-lah peruntokan ini ada berkaitan dengan pegawai—pegawai Sekolah Ugama Islam, Ketua Pegawai Perhubungan, Pegawai Perhubungan dan lain<sup>2</sup>-nya. Pegawai-nya hanya empat orang. Saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, bahawa ada sekolah<sup>2</sup> yang mendapat bantuan ini telah di-gunakan oleh anasir<sup>2</sup> politik untuk memenangi politik mereka itu dan kemudian berkempen di-luar mengatakan bantuan ini tidak ada guna, tidak ada faedah, haram,—macham<sup>2</sup>. Jadi Sekolah Ugama Ra'ayat bertaboran banyak sekarang di-tanah ayer kita ini, oleh Kerajaan Perikatan di-berikan bantuan. Tetapi oleh kerana sa-tengah<sup>2</sup> daripada orang kita ini suka sangat menggunakan amalan Abu Jahal di-dalam amalan-nya, maka mereka tidak-lah dapat memberikan sokongan fikiran yang membena tetapi chuba

hendak memesonkan fikiran ra'ayat daripada yang sa-benar-nya. Di-sekolah<sup>2</sup> ra'ayat terutama di-negeri Kelantan, kita dapat melihat bahawa pada sekolah<sup>2</sup> ra'ayat ini-lah, macham pondok<sup>2</sup>, ini-lah tempat berkuku-nya PAS—Parti Islam sa-Tanah Melayu—yang tadi-nya kita mendengar juara-nya daripada Pasir Mas Hulu, bukan sahaja yang bersifat saperti samseng, keras kepala, tetapi juga bersifat macham Abu Jahal dan Abu Lahap di-zaman Rasul menunjukkan kejahilan dan kebodohan-nya serta ketololan-nya di-dalam chara berfikir, bagaimana chara hendak mengembangkan ajaran Islam di-dalam negeri ini. Ini satu chontoh, satu chara, bagaimana orang<sup>2</sup> PAS ini chuba mengelirukan pendapat.

Memang, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Bachok tadi membachakan satu buku yang di-karang oleh Setia-usaha PAS pada masa itu ia-itu saya sendiri dan Ketua Penerangan PAS, waktu itu saya sendiri. Saya telah di-arahkan untuk berbuat demikian oleh Dewan Ulama' PAS yang ketua-nya Yang Berhormat Wakil daripada Kota Bharu Hulu. Dan ini di-putuskan oleh Dewan Ulama' PAS bahawa kita harus menggunakan Al-Quran, menggunakan Al-Hadith, menggunakan sa-berapa banyak ayat<sup>2</sup> Quran untuk mengelirukan pendapat dan pandangan orang ramai terhadap Kerajaan yang sah ini, kemudian kita chuba menipu orang chara bagitu dan kita pergi-lah ka-kampong<sup>2</sup>, gunakan-lah apa yang patut kita gunakan supaya terjamin-lah kemenangan kita ini. Ini di-lakukan oleh PAS dan waktu itu saya menjadi Setia-usaha Agong PAS bukan tukang bayar yuran sahaja. Waktu itu Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu menjadi Talipon Operator, dia tidak tahu Quran ini apa. Dia tidak tahu Islam ini apa waktu itu. Dia jadi Talipon Operator, dia tidak tahu Islam waktu itu. Sa-telah dia membacha sedikit keputusan daripada Dewan Ulama' PAS baru dia meninggalkan . . . . .

**Tuan Abdul Samad bin Ahmad Gul Mianji (Pasir Mas Hulu):** (*Bangun*) . . .

**Mr Chairman:** (*kapada Tuan Haji Othman Abdullah*). Dia minta penjelasan. Boleh di-beri?

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Masa chuma lima minit sahaja.

**Mr Chairman:** (*kapada Tuan Abdul Samad*). Dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, waktu itu dia maseh tolol lagi tentang Islam, jahil lagi, bahlol lagi dalam Islam. Maka dia telah meletakkan jawatan dan bertanding kerana mengikut apa yang di-tulis di-dalam buku<sup>2</sup> yang saperti itu. Saya di-kerah berbuat demikian dan di-surroh berbuat demikian. Tetapi, sa-telah saya perhatikan chara yang di-buat oleh PAS dan sa-telah saya memerhatikan apa yang di-lakukan oleh PAS, saya dapati lain yang di-chakap lain yang di-amalkan, lain di-mulut, lain di-hati. Di-sana dia kata dia tetap mengkafirkan orang tetapi di-sini dia menidakkan sama sa-kali. Maka sa-telah saya memikirkan soal ini, sa-telah saya menang dalam pilihan raya dalam tahun 1959 di-Tanah Merah, saya bertanya mereka ini bila lagi (dalam bahasa Arab) hendak di-tegakkan sampai hari ini, Tuan Pengerusi, . . . . .

**Tuan Abdul Samad bin Ahmad Gul Mianji:** (*Bangun*) . . . . .

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** . . . . . satu benda pun mereka tidak dapat menegakkan. Parti yang saperti ini-kah kita hendak menumpang harapan? Bukan Islam itu salah, bukan Quran itu yang salah, yang bersalah ia-lah kepala<sup>2</sup> batu yang maseh ada di-dalam PAS pada hari ini yang tidak mengerti akan ajaran Islam yang sa-benar-nya. Sa-bagai chontoh lihat-lah chontoh<sup>2</sup> Abu Jahal daripada Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu sa-bentar tadi. Bukan ajaran al-Quran macham itu, bukan ajaran Hadith macham itu. Nabi Muhammad datang untuk mem-baiki akhlak bukan menunjukkan samseng. Ini berlaku dan kalau ini-lah chontoh-nya pemimpin<sup>2</sup> yang menamakan diri-nya mujahid<sup>2</sup> Islam,

yang menamakan diri-nya ansarullah, yang menamakan diri-nya orang yang hendak membela agama, saya tidak percaya orang yang seperti ini boleh di-pimpin di-beri hidayah oleh Tuhan. Saya tidak percaya orang yang macam ini boleh dapat sampai kepada tujuan yang sa-benarnya. Kerana itu-lah, Tuan Pengerusi, kalau di-dalam sembahyang sa-kali pun kita boleh mufarakah, dalam sembahyang kita boleh mufarakah. Demikian demokerasi Islam. Manakala imam yang kita ikut tidak betul, kalau imam yang kita ikut itu bengkok hatinya, bengkok bakaan-nya dan bengkok tujuan-nya, kita sa-bagai ma'mum bukan sahaja sunat, tetapi wajib bermufarakah, wajib meninggalkan imam yang tidak betul, imam yang munafik.

Tuan Pengerusi, sekarang kita hendak keluarkan kita punya machine gun, awak terima pula.

Tuan Pengerusi, ini-lah dasar dan dasar kita, dasar pelajaran kita, yang kita tengok sendiri di-dalam Anggaran Belanjawan ini bukan sahaja kita hendak memberikan bantuan kepada Sekolah Agama Ra'ayat ini \$600,000 kita boleh dan Menteri ini, saya yakin, boleh menambah tiga, empat, lima kali lipat ganda, tetapi sa-telah di-lakukan soal yang macam ini, orang PAS nanti menyusup masuk ka-sekolah itu dan sekolah itu akan di-gunakan oleh orang<sup>2</sup> PAS untuk membunuh Kerajaan ini sendiri. Apa faedah-nya kita bantu orang yang macam ini? Lebeh baik kita bantu orang yang ta'at, orang yang sedar, orang yang faham, orang yang mengerti, tahu berterima kaseh, daripada orang<sup>2</sup> yang tidak pandai berterima kaseh. Bagitu juga bagaimana kita telah mengembangkan ajaran Islam, hendak meninggikan pelajaran tinggi Islam, dengan apa yang di-sebut kita hendak meninggikan taraf Kolej Islam, kita hendak meninggikan pengajian tinggi Islam itu, kita ada satu perbadanan sekarang ini yang hendak meletakkan Kolej Islam sa-bagai Universiti Kolej. Tetapi apa orang PAS buat? Dia buat satu Kolej Islam—Perguruan Tinggi Islam—nun

di-Nilampuri! Yang Berhormat daripada Bachok professor-nya!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, itu kenyataan pembongong. Saya tidak pernah menjadi Professor.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Itu-lah chontoh maha guru-nya, Tuan Pengerusi, saya chakap sedikit dia sudah melenting.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Sapu sahaja-lah!

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Ini-lah, Tuan Pengerusi. Jadi kalau sa-kira-nya betul<sup>2</sup> PAS hendak menolong, hendak meniggikan pengajaran tinggi Islam dalam negeri ini, apa salah-nya dia sokong, dia berikan sokongan kepada Kolej Islam ini lebeh besar. Apa faedah-nya dia mesti buat lain daripada itu dan kemudian pertandingan yang di-ambil-nya siapa, Tuan Pengerusi, yang di-ambil-nya ia-lah murid<sup>2</sup> darjah enam ka-sekolah, sa-tengah-nya. Dia kata apa guna masuk sekolah menengah, apa faedah masuk sekolah menengah, hendak jadi apa awak? Jadi peon, tidak boleh, jadi itu, tidak boleh, jadi ini tidak boleh . . . ini kempen yang di-lakukan oleh orang PAS dalam negeri Kelantan sa-hingga tiga ribu lebeh penuntut<sup>2</sup> sekolah menengah hilang. Alhamdulillah, Menteri Pelajaran kita ini buat satu operation, suatu tindakan, yang bernama Tindakan Obor. Dia sendiri melancharkan-nya di-negeri Kelantan. Melancharkan Obor yang datang daripada Ibu Kota ini menerangi ra'ayat negeri Kelantan itu akhir-nya berjaya juga. Dengan berjaya-nya ini akan gentar-lah hati orang<sup>2</sup> PAS kerana apabila terbuka mata ra'ayat negeri Kelantan akan bertambah jauh-lah dia daripada angan<sup>2</sup>-nya.

**Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji:** Tuan Pengerusi, saya minta jalan!

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Sudah pukul 6.30 hendak jalan pulang, pergi-lah!

Tuan Pengerusi, kempen busok yang di-sebutkan ini-lah yang telah di-istilahkan oleh Menteri Pelajaran sa-bagai kempen jahiliah, sa-bagai kempen orang<sup>2</sup> yang hendak menjahilkan ra'ayat sa-bagai kempen orang<sup>2</sup> yang hendak menipu ra'ayat. Jangan-lah masok sekolah itu, masok sekolah kami, kami adakan di-Nilampuri, masok sekolah ini kami sediakan, masok di-Nilampuri. Awak masok menang, apa ada? Kami beri \$20-30 sa-bulan menjadi muballigh dalam negeri Kelantan. Ini penipuan kapada ra'ayat Kelantan yang ra'ayat Kelantan mesti sedar di-atas penipuan ini. Sampai ka-mana mereka mahu di-tipu oleh pemimpin<sup>2</sup> yang berkepala batu saperti ini?

Tuan Pengerusi, kita sekarang ini dengan ranchangan pelajaran yang ada, dengan Estimate peruntukan wang yang kita berikan nampak kelas apa yang kita buat. Nampak jelas apa yang kita hendak berikan kapada ra'ayat, bukan kita hendak memisahkan itu dengan ini, di-antara ra'ayat kita dengan ra'ayat orang<sup>2</sup> yang mengundi

Perikatan dengan orang yang mengundi Bulan Bintang—tidak! Tetapi kita mahu supaya ra'ayat negeri ini mendapat layanan pelajaran yang sama, mendapat layanan pendidekan yang sama supaya negara kita yang kita harapkan menjadi sa-buah negara yang betul<sup>2</sup> dapat sa-tanding dengan negara<sup>2</sup> lain dalam soal pelajaran, dapat kita tinggikan dan dapat kita pertahan-kan . . . .

**Mr Chairman:** Chukup-lah! Sekarang sudah pukul 6.30.

*House resumed.*

**Mr Deputy Speaker:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan tahun 1967 telah sampai kapada Kepala 19, bagi Jadual dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini. Jawatan-kuasa akan ber-sidang pada hari esok.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi esok.

*Adjourned at 6.30 p.m.*